

**Ketahanan PAS Ancam
Masa Depan Umno**

MENOLAK
FANATIK,
MILITAN,
JUMUD, RADIKAL, TAKSUB,
SESAT...

LABEL



**TARMIZI MOHD JAM
ANN WAN SENG & ROSLI IBRAHIM**

**Ketahanan PAS Ancam
Masa Depan Umno**

**MENOLAK LABEL
FANATIK,
MILITAN,
JUMUD, RADIKAL, TAKSUB,
SESAT...**

Rangkaian Minda Publishing

KETAHANAN PAS ANCAM MASA DEPAN UMNO:
MENOLAK LABEL FANATIK, MILITAN,
JUMUD, RADIKAL, TAKSUB, SESAT..

Pengarang:
Tarmizi Mohd Jam
Ann Wan Seng & Rosli Ibrahim

Kulit Depan
Ust. Fadzil Mohd Noor, Ust. Abdul Hadi Awang,
Tuan Guru Nik Abdul Azz Nik Mat, Mohamad Sabu,
Dr Mahathir Mohamad & Anwar Ibrahim

Editor Perunding: Noor Anisah Mohamed Yusof

Pengurus Promosi & Iklan: Tuan Mir Nazan Mohd. Taid

Pengurus Pengedaran & Pemasaran: Haji Haron Salmun

Hakcipta: Rangkaian Minda Publishing

Cetakan Pertama, Rabul Awal 1416/Ogos 1995

Diterbitkan Oleh:
RANGKAJIAN MINDA PUBLISHING
13, Lorong Haji Hassan, Off Jalan Batu Geliga,
Taman Melewar, 68100 Kuala Lumpur
Tel: 03-6878150 Fax: 603-6878150

Kulit Luar: RANGKAJIAN MINDA CREATIVE & DESIGN

Lay Out: LUKMAN TYPESETTING, Tel: 03-6226950

Pencetak: CITA KHIDMAT & NIAGA
Jalan Segambut Selatan, Kuala Lumpur.

M

324.285-15

175

M 823599

*"Jika (Islam) itu merupakan matlamat perjuangan yang dekat dan perjalanan yang pendek, nescayalah mahulah mereka mengikut engkau (Muhammad SAW). Tetapi dengan adanya kesukaran menjadikan mereka menjauhi engkau."
(Surah At-Taubah: 42)*

"Buku ini untuk santapan pejuang kebenaran dan umat Islam yang masih terbungkus mindanya dari balutan karat jahiliyah. Ajaklah untuk menekuni erti sebuah kepayahan yang kerananya mereka menjauhinya." - Tarmizi Mohd Jam

Menarik Di Dalam

Percikan Menungan Halaman 7

Bab 1 Halaman 9

Budaya Fanatisme Dalam Catur Politik Kita 17

Bab 2 Halaman 17

Pandangan Dr. Mahathir:

Puak Fanatik Hanya Melemahkan Islam

Bab 3 Halaman 23

Mahathir Tuduh PAS Sesat Dari Aqidah Sebenar

Bab 4 Halaman 43

PAS Atau Umno: Siapa Taksu dan Fanatik?

Bab 5 Halaman 53

Konspirasi Umno Terhadap PAS Keterlaluan

Bab 6 Halaman 63

Menghamburkan Keris Label-Melabel

Bab 7 Halaman 77

Label, Fitnah dan Dakyah Keras Umno Dijawab!

Bab 8 Halaman 97

Menolak Label Fanatik, Militan, Ekstrim, Jumud,
Taksu, Radikal...

Bab 9 Halaman 103

Menyeleweng dan Sesat:

Di Mana Pintu *Highway* Muzakarah?

Bab 10 Halaman 111

Ketahanan PAS Ancam Masa Depan Umno

Bab 11 Halaman 121

Mestikah Diadakan Muzakarah Umno-PAS?

Bab 12 Halaman 139

Konspirasi Sulit Layak Umat Islam

Percikan Menungan

TAMPAK jelas menyilau, para pemimpin Umno terus melanyak PAS di “kandang orang salah” sekalipun keputusan Pilihanraya Umum 95 terlalu memihak kepadanya. Selepas pilihanraya lalu, juak-juak Umno menghamburkan tuduhan dan membuntingkan segala label memburukkan PAS di tengah-tengah *public opinion* bagi motif yang belum *real* tapi mudah tampak.

Malah keseriusannya ada, mereka sanggup membohongi tawarikh dengan merekacipta fakta palsu kononnya penubuhan PAS diredhai oleh penjajah British lalu membuat kesimpulan bodoh, PAS adalah *time bom* penjajah kafir itu.

Apakah Umno akan mendesak kerajaannya, agar PAS diharamkan setelah gagal mengharus dan memakruhkan perkataan “Islam” yang menyakitkan mata hati mereka yang separuh buta itu? Atau mungkingkah ada saki-baki kasih-sayang mereka terhadap survival ummah yang memerlukan tembok dan benteng fundamental yang ampuh dan kental. Dari dulu hingga ke hari ini, nampaknya Umno masih belum serik untuk menarik balik tuduhan

dan fitnah butanya yang menyarati PAS. Jauh sekali membuka *highway* muzakarahnya. Sebaliknya, arus deras pembohongan, fitnah dan budaya melabel terus dipasungkan ke tengkuk para penyokong, pendokong dan pemimpin PAS yang menyuntik nafas kepada parti Islam itu.

Saya terusik untuk merakamkan sedikit bicara dalam menyoroti isu ini, setelah sekian lama saya tidak menulis apa-apa buku. Maka buku ini digarap secara tergesa-gesa bersama-sama bantuan rakan-rakan, Encik Ann Wan Seng dari Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan Sdr. Rosli Ibrahim, Kolumnis *Dunia Islam*.

Kesempatan ini juga turut dirakamkan lafaz jutaan penghargaan kepada Sdr. Ibrahim Ahmad dan *IBS Buku Sdn Bhd.* atas kutipan satu bab kajian (Muzakarah Umno-PAS) yang telah dibukukan dari judul *Konflik Umno-PAS: Dalam Isu Islamisasi*.

Turut tidak diabaikan, penghargaan tidak ternilai dihulurkan kepada Editor Perunding buku ini, Nor Anisah Mohamed Yusof yang telah mendorong kuat, cekal dan kental untuk saya menyiapkan kerja-kerja berkaitan.

Moga-moga buku ini memberikan manfaat kepada sekalian pembaca. Selamat memahami.

TARMIZI MOHD JAM

Editor Perunding Rangkaian Minda Publishing

1

***Budaya Fanatisme
Dalam Catur Politik Kita***

NEGARA kita adalah merupakan sebuah negara yang berbilang kaum. Masyarakatnya bersifat *pluralistik* di mana setiap kaum mengamalkan kebudayaan, agama, bahasa dan adat resam yang berbeza-beza.

Kebanyakan daripada suku kaum di negara kita mengamalkan faham *etnocentrism* iaitu suatu fahaman yang taksuf kepada kebudayaan serta warisan bangsanya. Perasaan *etnocentrism* wujud disebabkan oleh ketakutan terhakisnya adat dan budaya yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain.

Justeru itu fahaman *etnocentrism* telah dijadikan sebagai benteng untuk melindungi ciri-ciri sesebuah bangsa dan suku kaum. Di dapati masyarakat Cina mempunyai serta mengamalkan fahaman *etnocentrism* yang pekat di mana sentimen cintakan negara asalnya masih lagi mendasari sanubari kebanyakan generasi tua.

Dari situ, lahirlah istilah *chauvanism* yang bermaksud sentimen perkauman yang sempit dan terlalu taksuf kepada identiti masyarakatnya. Sentimen ini digunakan oleh parti-parti politik Cina untuk mendapatkan sokongan kaumnya. Walaupun perjuangan DAP bersifat berbilang kaum, tetapi parti itu telah dituduh dan dikategorikan sebagai parti perkauman sempit.

MCA pula, tidak ditohmah sebagai parti yang *chauvanis* kerana menjadi sebahagian anggota komponen Barisan Nasional. GERAKAN pada peringkat awal penubuhannya merupakan sebuah parti yang *chauvanis* dan perkauman. Tetapi sejak

menyertai Barisan Nasional pada awal tahun 70an, segala *labeling* dan *stigma* yang diberikan kepada parti itu hilang dibawa oleh angin lalu. Malahan kedua-dua parti tersebut dianggap sebagai parti yang boleh bertoleransi, berkompromi dan bekerjasama dengan kaum-kaum yang lain. Maka hilanglah sifat-sifat fanatisme dan chauvanisme pada kedua-dua buah parti itu.

Daripada gambaran yang diberikan, maka dapat dikatakan unsur fanatisme dalam politik Malaysia banyak dipengaruhi oleh persepsi yang sengaja diada-adakan oleh mereka yang berkuasa dengan kekuatan media yang ditanggung, kerajaan Barisan Nasional boleh menggunakan alat tersebut untuk memprojeksikan unsur-unsur fanatik pada parti pembangkang dengan motif terancang untuk memberikan suatu gambaran betapa militan dan ganasnya perjuangan pembangkang di kaca mata rakyat.

Apa yang lebih menghairankan, segala momokkan dan *stigma* yang dibuat itu diyakini oleh *public opinion*. Selain dari DAP, PAS juga dituduh dan didakwa sebagai parti yang radikal dan para penyokongnya dilabelkan fanatik.

Sejak sedekad yang lalu, PAS yang menjadikan Islam sebagai landasan perjuangan utamanya telah diserang dan dikecam oleh Umno sebagai parti yang mendorong anasir fanatisme di dalam politik dan agama. Apatah lagi apabila tampuk kepimpinan PAS kini dipegang oleh barisan pemimpin yang bertaraf ulama dan mempunyai kesedaran agama yang tinggi dan agak profesional.

Sesungguhnya kemunculan golongan ini telah memberikan pukulan maut kepada Umno yang masih berdegil untuk mempertahankan nasionalisme Melayu di tengah-tengah kerancakan era kebangkitan semula Islam. Umno sedar hubungan Islam dengan orang Melayu amat rapat sekali. Islam memberikan identiti kepada orang Melayu dan orang Melayu sanggup melakukan apa sahaja untuk mempertahankan identiti tersebut daripada diganggu gugat.

Kebangkitan semula Islam menjadi bertambah rancak dan giat di negara ini apabila *Revolusi Iran* menempah kejayaan yang gemilang mengguling boneka Amerika, Shah Iran. Tempiasan kejayaan *Revolusi Iran*, perjuangan *Intifadah* di Palestine,

Mujahiddin di Afghanistan dan kemunculan Ghaddafi di Libya turut membuka mata umat Islam di Malaysia.

Dan ini telah merubah senario politik di dalam masyarakat Melayu di mana tuntutan dan kehendak untuk merealisasikan Islam sebagai sistem hidup yang lengkap semakin meluap-luap selaras dengan semangat jihad di dalam perjuangan politik kepartian.

Umno yang masih berpegang kuat kepada semangat nasionalisme Melayu 1946 tidak berupaya menahan gelombang kebangkitan Islam ini. Jadi, satu-satunya cara yang ada ialah mengambil langkah yang berterusan memburuk-burukkan setiap gerakan Islam dengan label militan dan ekstrim.

PAS yang menjadi saingan kepada Umno telah dijadikan *scape goat* oleh Umno di dalam usahanya untuk memalingkan sokongan umat Islam agar berpihak kepadanya. Beberapa isu telah diperbesar-besarkan dengan harapan menjauhkan umat Islam dan bukan Islam daripada mendekati dan mengundi PAS.

Tindakan PAS membakar serta memboikot suratkhbar yang mengambil sikap memihak kepada Umno, juga disifatkan sebagai tindakan yang fanatik. Meskipun pembakaran itu hanyalah sekadar pernyataan protes dan tidak puas hati terhadap peranan yang telah diselewengkan oleh media massa. Tujuan tuduhan ini adalah jelas iaitu memberikan gambaran kepada orang ramai betapa biasanya perjuangan PAS yang dilandasi oleh perjuangan kononnya, berteraskan emosi.

Pemimpin PAS acap kali dipersalahkan kerana gagal mengawal perasaan para penyokongnya yang fanatik itu. Pucuk pimpinan PAS juga dituduh menghasut, mengapi-api dan memperalatkan para penyokong serta agama untuk mencapai cita-cita politiknya. Bagaimanapun, isu-isu yang dibangkitkan itu tidak pernah terbukti kebenarannya dan akhirnya isu tersebut pun menjadi basi. Namun sejak kebelakangan ini, isu tentang tuduhan PAS fanatik — timbul semula.

Dalam Pilihanraya Umum April lalu, isu ini telah dimainkan dengan penuh bergaya oleh media massa *mainstream* yang

terdapat di negara ini. Kalau diperhalusi dengan teliti akan didapati isu ini merupakan ulangan isu yang pernah ditimbulkan suatu ketika dahulu.

Insiden sekumpulan "penyokong" PAS menyerang *crew TV3* dalam satu ceramah Mohd. Sabu telah dilihat mempunyai nilai berita yang boleh digunakan untuk memburuk-burukkan PAS khasnya dan pembangkang amnya. Sekiranya para penyokong PAS benar-benar fanatik dan hilang pertimbangan, sudah tentu *crew TV3* itu dikeronyok habis-habisan.

Sebaliknya apa yang berlaku ialah dua *crew TV3* cuma mengalami kecederaan ringan dan lebam sahaja. Tidaklah seserius yang dijangkakan tetapi sengaja di seriuskan oleh *TV3* dan media *mainstream* yang sealiran dengannya. Adalah tidak adil PAS dihukum kerana kita tidak tahu siapakah yang menyerang *crew TV3* di mana keadaan agak malap dan kelam-kabut. Ini kerana tidak semua yang menghadiri ceramah tersebut terdiri daripada penyokong PAS. Ada juga diantaranya penyokong Umno atau pihak-pihak yang tidak berkenaan kerana ceramah itu dibuat secara terbuka kepada umum.

Jadi adalah tidak adil hukuman dijatuhkan sedangkan siapa sebenarnya yang mencederakan *crew TV3* itu masih belum dapat dikenalpasti. Boleh jadi yang melakukan itu orang Umno atau mereka yang diupah untuk menimbulkan kekacauan oleh pihak yang berkepentingan. Di mana letaknya logik PAS itu fanatik kerana terbukti pilihanraya umum April lalu, berlangsung dalam susana yang aman dan tenteram.

Setelah usaha memfanatikkan PAS gagal, Umno mencuba pula formula mengaitkan PAS itu fanatik dan taksab kepada Islam sehingga menimbulkan ketakutan kepada masyarakat bukan Islam. Setiap umat Islam dianjurkan fanatik kepada agama kerana itu merupakan suatu perkara yang baik.

Kalaulah fanatisme itu diukur dari segi usaha menubuhkan negara Islam, perlukah hukum hudud dan usaha merealisasikan Islam sebagai *a way of life* maka ternyata Umno telah melakukan kesilapan. Senjata yang digunakan oleh Umno telah memakan dirinya sendiri.

Umno didapati lebih fanatik berbanding dengan fanatik yang diletakkannya pada parti-parti politik yang lain. Fanatik Umno telah menyebabkan terbentuknya puak-puak di dalam Umno yang saling bertelagah merebut kekuasaan, kedudukan dan kekayaan. Kefanatikan yang melanda Umno telah menyebabkan parti itu diharamkan dan berpecah kepada beberapa kumpulan.

Fanatisme yang berkembang secara tertutup lebih merbahaya daripada fanatik yang berupa kesetiaan dan ketaksuban kepada pegangan yang benar lagi membenarkan. Selagi fanatik kepada parti dan pemimpin membawa kebaikan maka itu dirasakan masih pada peringkat yang wajar. Tetapi apabila seseorang tidak lagi dapat membezakan antara yang baik dan buruk kerana ketaksuban yang melulu kepada pemimpin dan parti yang berkuasa untuk mendapatkan sesuatu maka ini dirasakan lebih merbahaya dan perlu dibendung.

Lantaran itu elemen fanatisme yang terdapat di dalam politik Malaysia harus disoroti daripada perspektif yang lebih luas. Fanatik dalam konteks ini adalah keyakinan terhadap apa yang dirasakan benar. Adalah menjadi hak kepada sesiapa sahaja untuk meluahkan kefanatikannya kepada apa yang diyakini.

Bukankah fanatisme itu memberikan natijah yang positif dan bukannya memburukkan suasana yang sedia ada. Sudah sampai masanya tuduhan dan tohmahan yang dilemparkan kepada parti-parti politik yang *anti establishment* sebagai fanatik dihapuskan. Mengaitkan soal fanatik kepada masalah penyelewengan akidah haruslah disandarkan kepada hujah-hujah yang rasional dan tidak sepatutnya dibuat secara sembrono.

Selepas Al-Arqam dihancurkan, kini Umno mengalih sasarannya kepada PAS. Umno yang mengharap taktik yang serupa dapat digunakan untuk memusnahkan PAS — ternyata telah tersilap membuat perhitungan. Umno gagal meranapkan PAS. Percubaan parti itu dan Barisan Nasional menghancurkan parti-parti politik pembangkang dengan menggunakan unsur fanatisme ternyata tidak berjaya.

Biarpun begitu, ini tidak bermakna elemen fanatisme tidak wujud dalam kamus politik negara. Malahan tidak keterlaluan

jika dikatakan elemen fanatisme merupakan unsur yang agak dominan di dalam politik Malaysia. Kepelbagaian dan komposisi masyarakat yang sedemikian rupa dengan perkembangan semasa yang berlaku di persekitaran sosial negara kita merupakan faktor yang memungkinkan wujudnya sentimen fanatisme, chauvanisme dan ekstrimisme yang melampau serta tidak terkawal. Lebih-lebih lagi apabila ia digunakan oleh pihak *establish* untuk kepentingan politiknya tanpa memikirkan apa yang akan berlaku dan menimpa kehidupan rakyat keseluruhannya yang mempunyai kepelbagaian yang unik.

2

Pandangan Dr. Mahathir

**Puak Fanatik
Hanya
Melemahkan Islam**

SATU kelemahan orang Islam ialah mereka mudah terpengaruh dengan apa sahaja yang dibuat dengan nama Islam. Apabila mereka sudah percaya, mereka kerap menjadi fanatik terhadap kepercayaan ini sehingga sukar bagi umat Islam lain membawa mereka balik ke jalan yang benar.

Dalam sejarah Islam, telah berkali-kali permusuhan sesama Islam berlaku kerana fanatisme seperti ini.

Demikian pada awal abad ke 12 Masehi, Muhammad Ibn Tumart menubuhkan gerakan *Al-Muwahhidun* di Maghribi. Pengaruh ajarannya berkembang dan pengikutnya bukan sahaja bertambah tetapi semakin taksub dengan ajaran dan gerakan berkenaan.

Demikianlah taksubnya mereka dengan ajaran Ibn Tumart sehingga mereka mendakwa dia adalah Imam Mahadi yang kononnya akan mengembalikan umat Islam kepada ajaran yang benar sebelum kiamat yang mereka percayai sudah hampir tiba.

Demikian juga dengan kemunculan seorang tokoh di Sudan dalam abad yang lalu yang dipercayai Imam Mahadi yang kononnya datang untuk menyelamatkan umat Islam sebelum qiamat.

Kita tahu sekarang bahawa dunia tidak qiamat pada abad ke-12 atau abad ke-19. Tetapi pengikut yang menerima Ibn Tumart telah berperang membunuh umat Islam di Maghribi dan Sepanyol kerana kononnya hendak menegakkan agama Islam.

Di Sudan, pengikut *al-Mahadi* percaya mereka kebal dan

mendedahkan diri mereka kepada senapang askar General Gordon. Mereka ditembak mati dan Khartoum jatuh ke tangan British.

Selain dua contoh ini, dalam sejarah terdapat ramai umat Islam yang jadi fanatik kepada satu-satu ajaran, membentuk pelbagai gerakan dan tarikat yang hanya berjaya memecah dan melemahkan umat Islam.

Di zaman ini juga terdapat fanatik Islam di beberapa negara di Afrika Utara dan Asia Barat yang giat membunuh orang Islam lain kerana kononnya mereka ingin mendirikan negara Islam.

Mereka ini benci kepada keamanan dan sengaja mencetuskan huru-hara, sesuatu yang dilarang berkali-kali di dalam al-Quran. Harapan mereka ialah huru-hara akan melemah dan menggagalkan kerajaan orang Islam di negara mereka dan dengan itu dapatlah mereka merebut kuasa.

Sejarah telah membuktikan kejayaan puak fanatik hanyalah setakat melemahkan negara Islam. Jika mereka dapat menjatuhkan kerajaan sekalipun, pemerintahan mereka biasanya lebih kejam. Akhirnya mereka pula dijatuhkan. Demikianlah dengan puak *al-Muwahhidun* Ibn Tumart.

Fanatisme bukan cara Islam. Islam adalah agama yang sederhana yang menghargai akal fikiran. Paksaan bukan cara untuk mengembangkan Islam. Orang yang fanatik tidak boleh berfikir seperti orang yang siuman.

Mereka tidak dapat membezakan antara yang benar dengan yang tidak benar, antara yang baik dan yang buruk. Apabila mereka taksub dengan kepercayaan mereka, atau gerakan mereka, atau pemimpin mereka, mereka akan mengikut secara buta tuli.

Apa sahaja yang dibuat oleh kumpulan mereka atau pemimpin mereka, mereka terima tanpa soal, tanpa fikir. Jika disuruh membuat sesuatu oleh pemimpin mereka, mereka akan melakukannya walaupun jelas salah.

Demikian orang Islam fanatik, sanggup menganas dan membunuh orang Islam lain dengan kejam. Mereka sanggup memusnah dan menghancurkan negara Islam. Mereka menolak sebarang perdamaian.

Dan sudah tentu mereka tidak mengetahui bahawa mereka salah, tindakan mereka adalah salah dan tidak Islam, bahkan bertentangan dengan Islam. Mereka jarangkali dapat dipulihkan semula dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Alhamdulillah, baru-baru ini kita berjaya menangani masalah fanatisme di Malaysia. Gerakan al-Arqam pada mulanya tidak fanatik. Tetapi apabila kepimpinannya berasa sudah kuat pengaruhnya, maka bermulalah percubaan untuk membentuk *personality cult* dengan mendewa-dewakan pemimpin.

Ajaran Islam ditafsir untuk menyokong dakwaan pemimpin supaya ajarannya tidak lagi disoal dan dia diterima sebagai orang yang tidak boleh salah dalam apa juga yang dilakukan atau diajarkan.

Jika dibiarkan, pemimpin mereka akan diterima sebagai Imam Mahadi dan banyak gejala yang akan berlaku. Jesteru itu, kerajaan telah mengambil tindakan untuk merombak gerakan ini dan memulihkan pegangan pemimpin dan pengikut kepada ajaran Islam yang sebenar.

Sementara rakyat Malaysia umumnya menyokong tindakan kerajaan, media barat mengecam kerajaan kerana kononnya tidak demokratik dan takut dikalahkan oleh al-Arqam dalam pilihanraya. Media barat tahu tentang huru-hara yang berlaku di negara-negara Islam yang mempunyai gerakan fanatik. Tetapi mereka sengaja menyokong gerakan fanatisme ini.

Apakah sokongan mereka kerana demokrasi atau untuk melihat satu lagi negara yang diperintah oleh orang Islam runtuh?

Orang Islam boleh menyalahkan orang lain dalam serba-serbi tetapi selagi mereka menolak persaudaraan dalam Islam, selagi mereka begitu fanatik sehingga sanggup membunuh di dalam masjid pada bulan Ramadhan, selama itulah mereka akan lemah dan dihina oleh musuh mereka; selama itulah mereka akan melihat saudara seagama mereka dibunuh, dihalau dan negara mereka dirampas.

Alhamdulillah, di Malaysia, berkat kegigihan dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, serta kewarasan dan

kesederhanaan rakyat yang beragama Islam, kita tidak dilanda gejala-gejala fanatisme yang kita lihat di beberapa negara Islam lain.

Justeru itu, kita sekarang bebas bersuara dan bertindak baik di dalam mahupun diluar negara. Sedikit sebanyak dapat juga kita menyumbang kepada memepthandakan keadilan melalui diplomasi dan ketenteraan.

Benar kita masih lagi tidak berjaya, terutama dalam menyelamatkan orang Islam yang sedang ditindas. Tetapi kita tidak kaku seperti kebanyakan negara membangun yang lain , termasuk negara Islam.

Usaha kita memulih imej negara dan imej Islam masih ditahap yang awal. Untuk meneruskan usaha ini perpaduan kaum dan persaudaraan Islam yang bermakna perlu diteruskan.

Perbezaan pendapat dalam sesuatu masyarakat memang perkara biasa. Demikian juga di kalangan orang Islam. Tetapi persaudaraan Islam masih lagi boleh ditingkatkan jika kita tidak fanatik dan menutup mata dan terlinga kita kepada yang benar.

Kita hendaklah tolak ajaran-ajaran sesat yang berunsurkan fanatik. Walau apapun perbezaan pendapat di kalangan kita, janganlah kita lupa bahawa Islam adalah tali yang mesti kita pegang supaya kita tidak bercerai berai dan menjadi lemah.

3

***Mahathir Tuduh PAS Sesat
Dari Aqidah Sebenar?***

SELEPAS berjaya menutup pintu sekolah dan pintu bisnis suku-sakat Al-Arqam, nampaknya Dr. Mahathir mula menanam minat untuk menutup pintu pilihanraya yang ada pada PAS. Oleh kerana pintu bisnis dan pintu sekolah tidak wujud secara jelas dalam PAS, maka satu-satunya pintu yang boleh diusik oleh Dr. Mahathir ialah pintu pilihanraya. Itupun, sudah terdengar hiruk-pikuk beliau mengenai kononnya PAS hasut kanak-kanak PASTI benci kerajaan. Mungkin juga pintu sekolah itu juga akan turut ditutup seperti terkatupnya pintu sekolah suku-sakat Al-Arqam.

Perkembangan muktahir menunjukkan bahawa Umno bukan lagi bernawaitu untuk menanggalkan perkataan "Islam" dari tubuh PAS seperti yang dihiruk-pikukkan oleh mereka pada November tahun lalu. Tetapi parti yang menganggap dirinya betul dan tepat dari segi akidah Islamiah itu berhajat pula untuk memperbetulkan akidah pemimpin, ahli dan penyokong-penyokong PAS. Malah juak-juak mereka sedang mencari formula untuk mengambil satu ketetapan, mengenakan tindakan yang tegas dan mungkin keras terhadap PAS dan segala macam aktivitiinya.

Dr. Mahathir ketika menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 6 Mei lalu tidak menolak kemungkinan PAS akan ditampilkan dengan tindakan yang serupa dan sama dengan apa yang dihempapkan ke atas al-Arqam (diharamkan), bagi tujuan membendung penyelewengan agama yang kononnya dilakukan pula oleh PAS.

Malah kata Dr. Mahathir lagi, penyelewengan agama yang dilakukan oleh PAS lebih berbahaya daripada al-Arqam dan PAS kini sudah mencapai tahap yang paling berbahaya hingga boleh mengancam keselamatan negara. Begitulah kata Dr. Mahathir yang berselindung dibalik tabir politiknya yang pecah dan perintah itu. Para pemerhati politik tidak melihat apa yang dicetuskan oleh PAS sekarang dan terdahulu, sebagai mengancam keselamatan tetapi kenyataan Dr. Mahathir itu boleh ditafsirkan sebagai ketakutan dirinya dengan bayang-bayang sendiri.

Sebagai sebuah parti yang memperalatkan agama kata Dr. Mahathir, penyokong-penyokong PAS terutamanya golongan muda terlalu taksud dan fanatik sehingga sanggup melakukan tindakan “ganas” dan “berani mati” demi untuk perjuangan PAS. Ramai penyokong PAS tidak lagi memperdulikan ajaran Islam sebenar, sebaliknya berpegang kepada prinsip “mesti menyokong” yang patut diberikan kepada PAS dan para pimpinan ulamanya. Sementara para pemimpin PAS pula gemar mengeluarkan fatwa yang bercanggah dengan aqidah Islam, dakwa Presiden Umno itu, yang dia sendiripun kalau diminta mendulang kata-kata dan ucapan-ucapan pemimpin PAS itu, rasanya langsung tidak terdulang yang mana fatwa dan yang mana bukan fatwa. Tidak semudah orang Lubuk Mandi mendulang emas, agaknya.

Daripada kenyataan Dr. Mahathir itu, dan sokongan bulat dengan kenyataan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid serta beberapa kenyataan tokoh-tokoh Umno lain yang antaranya termasuklah Rafidah Aziz, Nazri Tan Sri Aziz, Abdul Hamid Othman, Mohammad Rahmat, Nakhaie Hj Ahmad dan juga lidah pengarang dua akhbar gergasi Bahasa Melayu yang ghairah membelasah PAS semasa kempen pilihanraya umum lalu — maka sokongan bulat itu berdiri untuk menggambarkan PAS sebagai parti pembangkang yang amat dibimbangi, kononnya. Dan kalau ditafsirkan disudut yang lain, sokongan bulat tersebut jelas menggambarkan ketakutan Umno terhadap PAS yang tidak pernah diundang.

Kebangkitan semula PAS terutamanya selepas pilihanraya umum lalu bukan sahaja membimbangkan Umno, tetapi Umno turut merasakan bahawa diri mereka akan tercabar dan mereka

akan hilang sokongan daripada rakyat khususnya golongan muda sekiranya PAS terus dibiarkan bergerak dan bertanding pada mana-mana pilihanraya umum di masa-masa akan datang.

Keputusan pilihanraya umum April 1995 juga menunjukkan bahawa sekalipun parti-parti pembangkang lain tewas teruk kali ini, tetapi nampaknya PAS masih mampu mengekalkan kerusi yang dimenangnya pada tahun 1990 yang lalu, malah di beberapa kawasan menunjukkan undi popular yang dikutip dan dipungut oleh calon-calon PAS telah meningkat dengan ditandai dengan kemerosotan undi yang dipungut oleh calon-calon Umno.

Sementara segala kempen, dakyah dan tohmahan yang dibawa dan dilemparkan oleh Umno kepada PAS sepanjang kempen pilihanraya lalu nampaknya masih belum efektif dan gagal mencapai matlamatnya untuk membungkus minda para pengundi Melayu Islam di negara ini.

Lantaran itu, jika PAS terus dibiarkan beroperasi melalui *highway* pilihanraya yang dibenarkan, tidak mustahil parti itu mampu menggoncang atau memberikan saingan yang sengit kepada mereka di masa-masa akan datang.

Hakikat ini bukan sahaja diperakui benar oleh para pemimpin kelas jerung dalam Umno, tetapi turut diperakui dan disahkan oleh beberapa media asing dan juga pengkaji-pengkaji politik tanahair.

Sebarang usaha untuk menyekat atau membendung pengaruh PAS perlulah dimula dan dilakukan secara drastik dan bombastik yang boleh melahirkan gimik-gimik yang terancang untuk memerangkap penilaian rakyat terhadap PAS.

Sebenarnya bidak catur yang digunakan oleh Dr. Mahathir dan Umno untuk membendung kegiatan dan pengaruh PAS ini boleh dibaca sejak awal-awal lagi. Kalau sebelum ini beliau berapi-api meniupkan semangat kepada masyarakat supaya membenci dan menjauhkan diri daripada PAS serta menghamburkan tuduhan-tuduhan yang karut-marut semasa persidangan parti itu pada November lalu, maka tidaklah hairan dengan dakyah dan dogengnya yang terbaru ini.

Walaupun dalam isu terbaru ini Dr. Mahathir dan Umno tidak berani secara jelas mengkafirkan PAS, tetapi ternyata daripada beberapa kenyataan yang dikeluarkan dan diucapkan oleh pemimpin-pemimpin Umno itu menunjukkan bahawa mereka telah meletakkan pemimpin, ahli dan penyokong-penyokong PAS sebagai "orang yang sesat" atau "menyeleweng dari aqidah Islam".

Malangnya, tuduhan-tuduhan tersebut tidak dinyatakan dengan bukti yang cukup. Apa yang disebutkan hanyalah cerita dogeng kononnya ada kepercayaan bahawa perbuatan meletakkan bendera PAS di bawah bantal boleh masuk syurga dengan senang-lenang.

Sebelum tuduhan demi tuduhan dipacu dan dibonceng, maka adalah lebih baik bagi Umno kiranya mereka menoleh ke belakang dan bermuhasabah sekelip mengenai diri sendiri, dan mereka janganlah bertindak secara sembrono untuk menghukum sesat atau menyeleweng kepada kafilah lain dari mereka.

Malah tidak keterlaluan jika dikatakan di sini bahawa sekiranya PAS telah dianggap sebagai sesat dan menyeleweng oleh Umno, maka Umno lebih jauh sesat dan menyeleweng daripada PAS.

Hakikatnya Umno sendiri tahu bahawa PAS adalah sebuah parti politik yang didaftarkan atas nama Islam kerana ia memperjuangkan Islam. Dengan dasar Islam yang dibawa dan diperjuangkan oleh PAS, maka PAS telah mengambil al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas sebagai panduannya.

Bila PAS menegaskan bahawa perjuangan dan pergerakannya adalah Islam, iaitu Islam yang difahami dan diterima dari al-Quran dan al-Sunnah telah dianggap sesat, maka apakah kafilah yang tidak memperjuangkan Islam, malah berdiri teguh di belakang dan di depan ideologi-ideologi lain yang memisahkan antara agama dengan politik boleh dianggap sempurna keimanan mereka?

Apakah perjuangan kebangsaan yang bermazhabkan sekularisme yang dibawa dan diperjuangkan oleh Umno selari dengan kehendak Islam?

Dan kafilah yang manakah lebih sesat antara yang mahu

kepada pelaksanaan hukum-hukum Allah dalam sistem kehidupan masyarakat dan perundangan negara atau kafilah yang membantah atau mencari seribu satu alasan untuk tidak melaksanakan hukum-hukum dan pantang larang tersebut? Malah meletakkan pula Lord Reid lebih agung, lebih mulia dan lebih sempurna daripada Allah?

Beberapa kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin Umno sebelum ini sudah cukup membuktikan bahawa Umno dan pemimpin-pemimpinnya dan suku-sakatnya bukan sahaja tidak mahu kepada pelaksanaan hukum-hukum Allah, tetapi mereka turut mempermainkan, memperolok serta mempersendakan hukum-hukum tersebut.

Ketua Penerangan PAS Pusat, Subky Abdul Latif dalam kolumnya di akhbar *Harakah* pernah menyenaraikan beberapa kenyataan pemimpin Umno yang mempersendakan syariat Islam di negara ini. Antaranya menurut Haji Subky termasuklah:

Pertama: Ucapan Dr. Mahathir di Nilam Puri, Kelantan pada 3 Mac 1994.

“Apakah hukum hudud mesti dilaksanakan juga walau apapun keadaan sehingga mendatangkan mudarat kepada orang Islam. Apakah dalam keadaan Islam sudah lemah, hukum-hukum yang boleh melemahkan lagi orang Islam mesti dilaksanakan?”

Kedua: Kenyataan Dr. Mahathir kepada media massa pada 14 Julai 1992.

“Apabila hukum rejam batu sampai mati kepada pezina dan potong tangan kepada pencuri, nescaya ramailah rakyat Islam yang mati dan kudung tangan. Ini sangat memalukan umat Islam, kerana orang bukan Islam akan sempurna sifatnya dan boleh meneruskan kerja.”

Ketiga: Kenyataan Najib Tun Razak kepada media massa pada 20 April 1993.

“Negara akan menjadi huru-hara sekiranya undang-undang Islam dilaksanakan.”

Keempat: Ucapan Dr. Mahathir di hadapan Ketua-ketua Bahagian Umno di Johor pada 30 April 1992.

“Saya nak tahu siapakah di antara ahli-ahli PAS yang sanggup memotong tangan orang jika hudud dilaksanakan di Kelantan. Barangkali Nik Aziz akan melakukannya. Jika benar kita nak tengok apa yang berlaku selepas hukum itu nanti.”

Kelima: Ucapan Dr. Mahathir di Pasir Mas pada 14 Ogos 1994.

“Sukar dilaksanakan hukum syarak kerana masyarakat Malaysia bukan seratus peratus Islam.”

Keenam: Ucapan Anwar Ibrahim dalam satu majlis Umno pada 13 Julai 1992.

“Undang-undang Islam belum boleh dilaksanakan di Malaysia kerana masih ramai umat Islam di negara ini yang miskin dan jahil.”

Ketujuh: Kenyataan Najib Tun Razak kepada wartawan pada 20 April 1992.

“Kerajaan Kelantan harus dipertanggungjawabkan jika berlaku huru hara, ketidakstabilan politik, perpecahan di kalangan umat Islam dan kegelisahan rakyat apabila hukum hudud dilaksanakan di negeri itu. Rakyat harus menyoal pelaksanaan hukum itu menguntungkan atau menyebabkan perpecahan, pertentangan dan ketidakstabilan politik. Tidak semua negara Islam mengamalkan hukum hudud, bahkan ada negara Islam lebih makmur tanpa hukum itu.”

✱ **Kelapan: Kenyataan Syed Hamid Albar kepada para wartawan pada 11 April 1992.**

“PAS tidak akan dapat melaksanakan hukum itu kerana ia jelas bertentangan dengan Perlembagaan Lord Reid.”

Kesembilan: Ucapan Dr. Mahathir di Papar, Sabah pada 2 Mei 1992.

“Bagaimana kita boleh maju kalau orang Islam sudah tidak ada tangan dan kaki. Bagaimana mereka mahu bersaing dengan

bangsa-bangsa lain kalau sifatnya sudah tidak cukup. Hukum hudud tidak sesuai dilaksanakan di negara ini yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama.”

Kesepuluh: Kenyataan Dr. Mahathir kepada para wartawan selepas satu sidang Majlis Tertinggi Umno pada tahun 1994.

“Saya memastikan bahawa negeri-negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional tidak akan melaksanakan hukum hudud.”

Dalam pada itu, kitab *Mustika Hadis*, Jilid Pertama (Bahagian Iman) yang diterbitkan oleh Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri telah menggariskan beberapa perkara yang boleh merosakkan iman atau Islam seseorang (menjadi sesat). Antara lain menurut kitab tersebut termasuklah:

Pertama:

Iktikad kepercayaan yang bertentangan dengan dasar-dasar Islam seperti iktikad menafikan kebenaran apa yang disampaikan oleh baginda Rasulullah SAW. Atau iktikad bahawa kerasulan Nabi Muhammad SAW hanya untuk orang-orang Arab sahaja, atau iktikad bahawa hukum-hukum Islam yang dibawa oleh Nabi SAW ialah hukum-hukum lapuk yang tidak sesuai dengan keadaan zaman.

Dan kedua:

Menyebutkan dengan perkataan yang mencaci, menghina, merendah-rendah, mengejek dan mempermain-mainkan nama Allah, sifat-sifat-Nya, para malaikat-Nya, para rasul-Nya, kitab-kitab-Nya, ayat-ayat-Nya, dan hukum-hukum-Nya seperti berkata: “Hukum apa ini?”, “Hukum ini sudah lapuk”, “Zaman sekarang tidak patut diharamkan riba kerana menghalang kemajuan”, “Dalam zaman yang serba maju ini kaum wanita tidak perlu dibungkus-bungkus”, “Meminum arak kalau dengan tujuan menyihatkan badan untuk beribadah apa salahnya”, “Berzina kalau sudah suka sama suka apa haramnya”, “Berjudi kalau masing-masing sudah rela menerima untung ruginya apa salahnya”, “Kalau hendak sangat menurut hukum-hukum Islam, sampai kiamat kita tak maju” dan beberapa lagi ungkapan atau perkataan lain yang menghina syariat Islam.

Justeru itu, daripada apa yang disebutkan tadi, dapatkah Umno menyakinkan kepada masyarakat bahawa pemimpin-pemimpinnya tidak pernah mengeluarkan ungkapan atau perkataan seumpama itu? Sebaliknya jika Umno menyedari bahawa ada dari kalangan pemimpin-pemimpinnya pernah mengeluarkan kenyataan dan ungkapan tersebut, maka apakah hukunya orang berkenaan? Sebagai kesimpulannya, semoga dengan apa yang diperbincangkan tadi dapatlah sama-sama kita menilai dan meletakkan siapakah sebenarnya golongan yang sesat dan menyeleweng.

Nah! bacalah bab-bab seterusnya.



Bagus! Umat Islam mesti dilaga-lagakan. Kita tidak mahu umat Islam menjadi musuh utama kita, sebab itu Umat Islam di Bosnia mesti dihapuskan dan Umat Islam di Algeria disekat dari menikmati demokrasi. Kita Label mereka fanatik dan militan.



Seorang penyokong kuat Parti Barisan Penyelamat Islam (FIS) mengangkat anaknya dibahu sambil melaung-laungkan slogan 'Pro Islam' di sebatang jalanraya di Algeria. Mereka juga dituduh militan kerana sikap fundamentalis Islam yang diperjuangkan.



Gerakan Intifadah di Palestin juga dituduh militan, fanatik, ekstrim dan ganas. Label ini sengaja dihamburkan oleh Barat untuk menggambarkan bahawa agama Islam itu tidak baik dan kini ia turut dihamburkan lebel ini kepada kumpulan Islam di negara kita.



Peristiwa Memali adalah terjemahan dari tuduhan dan label yang dilemparkan oleh pihak Kerajaan terhadap kumpulan Islam kononnya mereka ekstrim dan fanatik. Mereka dibunuh dan sehingga ke hari ini, belum ada apa-apa penjelasan daripada pihak Mahkamah.



Anwar Ibrahim, suatu ketika dahulu pernah dilemparkan tuduhan ekstrim dan fanatik dalam perjuangannya sewaktu memimpin ABIM dan membantu PAS tetapi kemasukannya ke dalam UMNO telah menghalalkan label tersebut dan kini beliau bersih dari tuduhan-tuduhan seperti itu.



Tahniah! Tahniah! Tahniah! Begitulah yang diucapkan oleh perwakilan Umno sewaktu meraikan kemenangan Anwar Ibrahim merebut jawatan Ketua Pemuda Umno Malaysia. Di manakah label taksub, fanatik, ekstrim, anti pembangunan, ganas dan jumud yang pernah dihamburkan kepadanya dulu?



SEMARAK... apakah himpunan bersama rakyat yang dianjurkan oleh Barisan Nasional tidak fanatik? Bukankah ia diadakan untuk mengangkat dan menjunjung Dr. Mahathir?

Operasi Lalang... telah menangkap beberapa pemimpin Pemuda Umno termasuklah Haji Ibrahim Ali pada waktu itu. Siapakah yang menjadi dalang menganjurkan Perhimpunan di Stadium TPCA Kuala Lumpur? Bukankah perhimpunan itu membuktikan bahawa Umno juga fanatik dan ekstrim terhadap perjuangan nasionalisme mereka.





Benarkah para pemimpin PAS menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar? Mengapakah pemimpin Umno terus menuduh pemimpin-pemimpin PAS sesat akidahnya dan perlu diperbetulkan seperti mana mereka memperbetulkan akidah sesat pemimpin dan pengikut Darul Arqam.



Terbukti pemimpin PAS yang dituduh jumud oleh juak-juak Umno sebenarnya berkeupayaan dalam mentadbir sebuah negeri sekalipun negeri tersebut ditekan dan ditindas oleh Kerajaan Pusat. Jika jumud, mengapa MB Kelantan bersedia bekerja sama dengan Kerajaan Persekutuan?

4

**PAS Atau Umno:
Siapa
Taksub Dan Fanatik?**

MENJELANG pilihanraya umum April lalu, gema dan gegak-gempita taksub dan fanatik sekali lagi menerjah kuat ke gegendang telinga rakyat, walaupun gema tersebut pada umumnya telah terpacul sejak sekian lama atas motif dan muslihat kononnya untuk tujuan membendung dan menyekat pengaruh PAS.

Tetapi paluan gendang tersebut kali ini bukan sahaja dimainkan oleh Umno, bahkan turut disertai oleh media massa yang dikuasainya dengan meniupkan sentimen bahawa golongan yang disifatkan sebagai kafilah fanatik agama dan taksub kepada pemimpin perlu diperangi.

Lebih malang lagi apabila isu taksub dan fanatik yang dimainkan itu bukan sahaja ditamatkan setelah selesainya pilihanraya, malah terus disemarakkan sehingga sekarang ini. Dan kita yakin, sekalipun problem politik wang dalam Umno terus dibisingkan kepada umum, namun persidangan parti itu tahun ini, pastinya kita akan menyaksikan perwakilan berebut-rebut menempelak PAS dengan pelbagai cemuhan dan cerita metos.

Persidangan Umno tahun 1991, diceritakan dengan pekikkan para perwakilan terhadap Sultan Kelantan untuk mereka menutup kekalahan parti di negeri itu. Maka Sultan Kelantan menjadi sasaran dan sebab-musabab ketewasan parti mereka. Kali ini, rasanya untuk menutup skandal dan politik wang yang kian teruk, maka perwakilan Umno dari hulu dan hilir akan terpekik-koyau lagi, menghentam PAS dengan label-label yang menggerunkan mereka yang terpengaruh dengan lakonan juak-juak Umno itu.

Sekiranya dalam kempen pilihanraya umum lalu Umno telah menggunakan media massa bagi menyerang dan memburukkan PAS berhubung isu ini, tetapi sebaik sahaja Parlimen hendak bersidang kali pertamanya selepas pilihanraya kesembilan, Umno mendapat untung lumayan dari titah Yang Di-Pertuan Agung bagi menyerang dan mengekang PAS.

Walaupun Yang Di-Pertuan Agung, Tuanku Ja'afar tidak menyebutkan PAS ketika berucap merasmikan mesyuarat pertama Parlimen kesembilan di Dewan Rakyat pada 8 Jun lalu, tetapi ternyata hakikat "kalangan" yang dimaksudkan oleh baginda melalui teks ucapan yang disediakan oleh kerajaan (Umno) itu tidak lain adalah difokuskan kepada PAS.

Menurut titah ucapan tersebut, baginda Yang Di-Pertuan Agung telah meminta kerajaan supaya membentaras segala bentuk penyelewengan dan kegiatan fanatik agama bagi memastikan kesucian agama Islam sentiasa terpelihara. Langkah itu menurut baginda adalah bertujuan untuk memastikan tidak ada pihak yang menyalahafsirkan agama demi kepentingan sendiri.

Dan tidaklah menghairankan apa yang dibincangkan oleh Umno dalam mesyuarat Majlis Tertingginya pada 10 Jun lalu, telah memutuskan bahawa Biro Agama Umno dan Biro Penerangannya perlu mengadakan perbincangan teliti untuk mengkaji keadaan dalam negeri terutamanya berhubung fanatisme di kalangan ahli-ahli PAS.

Bagi Umno, ahli-ahli dan penyokong PAS terutamanya golongan muda yang terpelajar adalah golongan taksub dan fanatik kepada pemimpin dan parti. Sementara pemimpin-pemimpin PAS pula pada anggapan mereka, adalah golongan pelampau yang menyeleweng. Kafilah ini, menurut Umno mendatangkan bahaya kepada negara kerana mereka boleh bertindak secara membabi buta tanpa menggunakan fikiran yang waras.

Dengan mengambil contoh kejadian yang berlaku di Jepun, Umno berpendapat kafilah yang memperalatkan agama di negara ini perlu disekat atau dibendung sejak awal lagi. Sesungguhnya, tuduhan yang dilemparkan oleh Umno ini adalah satu tuduhan yang keterlaluan dan jauh lari dari kebenaran. Dirasakan lebih

baik bagi Umno menilai dan menghisab terlebih dahulu diri mereka sendiri tentang siapakah sebenarnya golongan yang taksub dan fanatik sebelum sesuatu tuduhan dibuat dan dihamburkan kepada ahli, penyokong dan para pemimpin PAS.

Apakah dalam perkara ekstrim, jumud dan fanatik ini ia hanya menjangkiti ahli-ahli dan penyokong PAS sahaja? Sementara ahli-ahli dan penyokong Umno bebas dari memiliki sifat tersebut?

Janganlah hanya disebabkan PAS sebuah parti pembangkang yang memperjuangkan agama serta sebuah parti sedang berkembang maju; dan mampu menjadi alternatif kepada Umno di masa-masa akan datang, maka perjuangannya perlu dikelirukan daripada realiti yang sebenar dan PAS boleh dilabelkan sesuka hati oleh Umno dengan harapan perjuangannya akan ditolak oleh masyarakat.

Sebaliknya Umno harus mempunyai fikiran terbuka dan menerima hakikat sebenar bahawa penyokong, ahli dan para pemimpinnya adalah lebih mempunyai perasaan taksub dan fanatik berbanding apa yang berlaku pada suku-sakat PAS seperti yang dikatakan itu.

Malah perasaan taksub dan fanatik yang membabi buta di kalangan ahli-ahli dan penyokong Umno inilah sebenarnya yang boleh menyebabkan negara menjadi huru-hara dan kacau-bilau. Kita mempunyai beberapa bukti yang kuat untuk meletakkan Umno lebih taksub dan fanatik berbanding dengan PAS.

Kejadian yang menimpa seorang petugas PAS pada 18 Januari 1985 di Felda Lubuk Merbau, Kedah sehari sebelum pilihanraya kecil Padang Terap masih lagi segar diingatan.

Kita juga merasa sedih dengan kejadian yang berlaku di Kampung Kor, Kubang Bongor (dalam kawasan DUN Kadok) Kelantan beberapa hari sebelum menjelang pilihanraya umum lalu. Dalam kejadian malang itu, tiga petugas Angkatan yang sedang memasang poster berhampiran rumah mereka telah diserang oleh dua beranak yang menjadi penyokong setia Umno. Akibat dari serangan yang menggunakan senjata tajam itu, ketiga-tiga beradik mangsa tersebut telah mengalami kecederaan, malah salah seorang daripadanya parah.

Dalam kejadian lain yang juga berlaku di Kelantan, sepasang suami isteri bersama enam orang anak mereka yang menumpang di tanah milik seorang kuat penyokong Umno telah dihalau keluar dari tanah yang ditumpangnya itu. Ini kerana suami isteri tersebut telah memberikan sokongan kepada calon Angkatan pada pilihanraya umum lalu.

Begitu juga dengan keadaan yang berlaku di Maran, Terengganu. Kerana taksub dan fanatik kepada Umno menyebabkan seorang guru agama yang mengajar di Masjid Air Belaga, Banggul Juadah enggan mengajar dua orang muridnya kerana mendakwa ibu bapa kepada murid tersebut telah menyokong PAS.

Di kampung yang sama juga seorang tokoh Umno telah memberhentikan seorang pekerjanya setelah mendapati pekerja itu menyokong calon Angkatan.

Kejadian-kejadian seumpama ini bukan sahaja berlaku di Kelantan dan Terengganu, tetapi turut berlaku di Kedah, Perlis, Perak dan beberapa negeri lain. Jadi, dengan sekadar beberapa kejadian-kejadian itu, dapatkah Umno menilai siapakah sebenarnya yang lebih taksub dan fanatik?

Perlu diketahui bahawa pengertian taksub dan fanatik yang digunakan oleh Umno untuk menyerang PAS — adalah definisi yang pernah digunakan di zaman jahiliah. Definisi inilah yang digunakan oleh musuh-musuh Islam untuk menimbulkan rasa benci rakyat terhadap perjuangan Islam yang dibawa oleh baginda Rasulullah SAW.

Dalam persoalan kebenaran, istilah taksub, radikal, ekstrim, militan dan fanatik tidak boleh digunakan dalam agama. Seseorang yang berpegang teguh kepada ajaran agama Islam tidak boleh disebut sebagai fanatik.

Sementara untuk menilai sesuatu parti sama ada dapat dikatakan fanatik atau tidak, kita harus melihat kepada asas dan dasar yang diperjuangkan oleh parti berkenaan. Jika sesebuah parti berasaskan kepada al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas, sementara ahli-ahli dan penyokongnya pula memperjuangkan perkara tersebut, maka hal tersebut tidak boleh dikatakan sebagai

fanatik. Ini kerana perkara tersebut telah menjadi satu kewajipan dan dituntut oleh agama.

Dari sudut agama, taksub dan fanatik sebenarnya membawa pengertian, mereka yang lari dari kebenaran serta menolong kaumnya melakukan kezaliman. Sedang kezaliman yang paling besar ialah menolak dan tidak melaksanakan hukum atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah.

Justeru, adakah ahli dan penyokong PAS termasuk dalam golongan ini?

Ataupun adakah ahli dan penyokong Umno tidak terangkum dalam kategori taksub dan fanatik apabila mereka menyokong pemimpin yang mempersenda dan enggan melaksanakan hukum-hukum Allah?

Malah berjuang pula atas dasar kebangsaan yang secara terang dan jelas telah dilarang oleh agama, sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

"Bukan dari golongan kami orang yang menyeru kepada kebangsaan, dan bukan dari golongan kami orang yang berjuang atas dasar kebangsaan dan bukan dari golongan kami orang yang mati atas dasar kebangsaan"

Hadis riwayat Abu Daud.

Secara jelasnya, taksub dan fanatik ini sebenarnya telah melanda dan menghinggapi penyokong, ahli dan para pemimpin Umno. Kita dapat melihat bagaimana pemimpin-pemimpin mereka yang didakwa melakukan penyelewengan dan maksiat masih terus dibela dan dipelihara. Malah ada pemimpin parti pembangkang yang diyakini rasuah dan telahpun didakwa di mahkamah; tiba-tiba sahaja bersih dari sebarang tuduhan apabila menyertai kafilah mereka, bahkan ia diangkat pula ke jawatan penting kabinet sebelum pilihanraya lalu.

Sementara bagi sesetengah ahli dan pemimpin Umno yang taksub dan fanatik untuk mendapatkan kuasa, mereka terpaksa mengeluarkan belanja yang bernilai berjuta-juta ringgit hanya kerana mahu menduduki kerusi Ketua Bahagian atau Ahli Majlis Kerja Tertinggi parti atau Ketua Cawangan parti.

Dan akibat dari taksub dan fanatik untuk memerintah juga telah menyebabkan Umno terpaksa menubuhkan kabinet bayangannya di negeri Kelantan walaupun mereka telah tewas dalam pilihanraya lepas.

Dalam pada itu, pendewaan pemimpin juga lebih terlonjol dan bonjol dalam Umno. Beberapa persidangan dan perhimpunan agung parti nasionalis itu telah menunjukkan bahawa para perwakilan telah menghabiskan sekian banyak masa untuk menyampaikan pantun, syair, madah dan gurindam bagi memuja dan memuji pemimpin mereka.

Malah pemimpin mereka juga telah digelar dengan beberapa gelaran *glamour* seperti "Wira Dunia Ketiga", "Adi Jagat", "Mujahid Agung" dan sebagainya hanya semata-mata kerana taksub dan fanatik kepada orang berkenaan.

Sedangkan budaya tersebut yakni puji dan puja serta mengagung-agungkan pemimpin, jika hendak dibandingkan dengan Umno, ia sama sekali tidak wujud dalam PAS.

Justeru itu, tuduhan Umno bahawa ahli-ahli dan penyokong PAS taksub kepada pemimpin adalah suatu tuduhan yang tidak berasas. Dengan tidak menafikan bahawa ahli-ahli dan penyokong PAS sememangnya taat dan patuh kepada pucuk pimpinan mereka selagi pucuk pimpinan tersebut tidak menyeleweng dan tidak pula melakukan maksiat kepada Allah, ahli-ahli dan penyokong PAS juga turut menyuarakan pendapat atau menegur dan mengkritik para pemimpin mereka demi kepentingan jamaah dalam batas-batas yang telah dibenarkan oleh akhlak Islam melalui program-program dalaman atau muktamar tahunan parti.

Semasa berbahas dan menyuarakan pendapat itu, ada pendapat pemimpin yang tidak dapat diterima oleh ahli dan begitulah juga keadaan sebaliknya. Bagaimanapun, perbahasan secara terbuka ini tidak pula menimbulkan apa-apa kesan sampingan dan dalaman kepada mana-mana pihak.

Dengan tidak melakukan ketaatan dan kepatuhan kepada pemimpin secara membabi buta seperti yang berlaku dalam Umno, ahli-ahli dan penyokong PAS akan menolak atau menentang mana-

mana pemimpin yang telah didapati menyeleweng atau melanggar dasar-dasar parti, yang seterusnya boleh menjejaskan perjuangan PAS dan kesucian Islam.

Sebaliknya dalam Umno, walaupun ada pemimpin mereka yang secara jelas telah menyeleweng dan melakukan maksiat, tetapi ia masih diangkat dan ditatang.

Sesungguhnya, asas ketaatan ahli-ahli dan penyokong PAS kepada pemimpin mereka ialah "pemimpin itu ditaati selagi ia mentaati Allah dan RasulNya" dan bukannya pemimpin itu dihormati atau disanjung kerana semata-mata taksub dan fanatik kepada ketokohnya.

Asas ini secara jelas telah termaktub dalam Perlembagaan PAS dan ia sebenarnya menjadi teras kepada kekuatan dan ketahanan PAS yang gagal ditandingi oleh lawan.



Demonstrasi untuk menjatuhkan Sultan Kelantan adalah petanda bahawa ahli dan penyokong Umno juga taksub dan fanatik terhadap arahan pemimpin mereka. Jika Kelantan menjadi huru-hara, siapakah yang harus dipersalahkan? Pengikut Umno atau

5

**Konspirasi
Umno Terhadap PAS
Keterlaluan**

KALAU sebelum ini Umno berhempas pulas dalam usaha mereka untuk menghalang dan menggagalkan pelaksanaan hukum hudud yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, tetapi sejak akhir-akhir ini parti itu bukan sahaja menentang hudud, bahkan turut mengkehendaki supaya "perkataan Islam" yang ada pada nama PAS dihapuskan.

Perlu diketahui bahawa PAS adalah merupakan satu-satunya parti pembangkang yang dikecam hebat oleh Umno, yakni sama hebat dengan kecaman Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap beberapa buah negara Islam seperti Iran, Iraq, Sudan dan Libya.

PAS bukan sahaja dikaitkan oleh Umno sebagai anti pembangunan, tetapi juga dituduh oleh Umno sebagai parti pemecah-belah masyarakat, anti nasional, golongan pelampau, fanatik, taksub, jumud, menyeleweng dari al-Quran bahkan lebih daripada itu.

PAS juga pernah dikaitkan dengan komunis dan ajaran sesat.

Jesteru itu, tidak hairanlah sekiranya dalam ucapan pada 18 November tahun lalu, Dr. Mahathir menyebut dan mendakwa PAS sebagai bom jangka penjajah atau *time bom* penjajah untuk memecah-belahkan perpaduan orang-orang Melayu dan menyifatkan pemimpin-pemimpin PAS sebelum kemerdekaan tidak mahu Tanah Melayu (Malaya) mencapai kemerdekaan daripada British kerana orang Melayu dan negeri masih lemah lagi. Perlu disebut, walaupun Dr. Mahathir hendak mengecam PAS seteruk mana sekalipun, maka adalah baik kiranya beliau dapat

menerima realiti sebenar perjuangan beberapa tokoh PAS sebelum merdeka dalam menentang penjajah dahulu.

Adalah menjadi satu tanda tanya mengapakah Presiden Umno itu begitu bersungguh-sungguh untuk menulis kembali catatan sejarah tanahair. Sedangkan tidak seorangpun Perdana Menteri dan Presiden Umno sebelum ini tergamak untuk menafikan peranan PAS dan para pemimpinnya yang terdahulu dalam mewarnai sejarah politik negara.

Selanjutnya, semasa berucap di Majlis Penerangan Perdana di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 15 Februari lalu, Dr. Mahathir sekali lagi secara bersungguh-sungguh meyakinkan jentera penerangan Umno yang hadir bahawa PAS lebih mementingkan politik dari agama, penubuhan PAS sememangnya telah direstui oleh penjajah, sementara PAS dipimpin pada peringkat awalnya oleh pemimpin yang tamak akan kekuasaan serta berfahaman sosialis.

Janganlah hanya kerana Dr. Mahathir terlalu marah dengan perjuangan PAS hari ini, maka beliau sanggup membohongi rakyat dengan melemparkan fitnah yang keterlaluan kepada PAS dan kepada para pemimpinnya yang terdahulu serta menafikan beberapa fakta sejarah.

Kita mohon kepada Allah swt untuk memberi petunjuk kepada Presiden Umno itu yang tergamak melemparkan fitnah kepada tiga pemimpin awal PAS iaitu Ustaz Ahmad Fuad, Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Profesor Zilkifli Mohamad.

Dan kita juga yakin bahawa saudara-mara, kenalan rapat dan mereka yang se zaman dengan tiga pemimpin awal PAS itu dapat menilai fikrah dan keperibadian sebenar mereka.

Apakah Dr. Mahathir tidak mengetahui (ataupun sengaja buat tidak tahu) bahawa Allahyarham Dr. Burhanuddin, Profesor Zulkifli dan beberapa lagi tokoh dalam PAS sebelum merdeka turut berjuang dalam menuntut kemerdekaan negara serta kedaulatan bangsa Melayu dan agama Islam daripada British?

Sekiranya Dr. Burhanuddin Helmy tidak mahu negara ini mencapai kemerdekaan, mengapakah Parti Kebangsaan Melayu

Malaya (PKMM) yang dipimpinnya sebelum menyertai PAS (yang sama dianggotai oleh Tun Ghafar Baba) telah diharamkan oleh British pada tahun 1948?

Adalah tidak keterlaluan juga jika dikatakan di sini bahawa Tun Ghafar Baba juga menganut aliran sosialis (jika benar apa yang dikatakan oleh Dr. Mahathir itu betul).

Dan kenapa pula Profesor Zulkifli sanggup bersama-sama dengan Dato' Onn Jaafar menentang Gagasan Malayan Union tajaan British yang dibawakan oleh Herold Mac Michael, jika beliau juga tidak mahu negara ini mencapai kemerdekaan?

Dan begitu juga dengan Ustaz Ahmad Fuad yang sanggup berkompromi semula dengan Dato' Onn Jaafar dalam membuat tuntutan kemerdekaan negara dahulu?

Sesungguhnya, tafsiran baru Perdana Menteri berhubung sejarah penubuhan PAS sebelum ini adalah versi baru yang tidak pernah disentuh dan disebut oleh para pengkaji sejarah negara selama ini. Ia adalah versi baru sejarah yang penuh dengan kepalsuan dan manipulasi fakta.

PAS sebenarnya bukanlah anak emas penjajah seperti Umno. Jauh lagi dijadikan alat oleh British untuk memecah-belahkan bangsa Melayu seperti dakwaan Dr. Mahathir itu.

PAS hanya diluluskan pendaftarannya sehari sebelum penamaan calon bagi pilihanraya umum 1951. Dalam keadaan serba kekurangan, PAS menyertai pilihanraya dengan bersimbolkan tapak tangan yang mempunyai lima jari.

Para penceramah Umno ketika itu memomok-momokkan lambang PAS dengan berseloroh menyebut bahawa PAS mahu memotong tangan rakyat jika jika mendapat kuasa memerintah (iaitu satu sindiran terhadap cita-cita PAS untuk melaksanakan syariat Islam di negara ini).

Dan sehingga kini, usaha PAS untuk mendaulatkan hukum Allah terus menerima momokan daripada pemimpin Umno walaupun dengan nada yang berlainaan. Kalaupun benar PAS hendak dijadikan faktor dorongan pemecah-belah masyarakat oleh

British seperti yang disebutkan itu, mengapakah pula British terpaksa pula mengharamkan Hizbul Muslimin pada Ogos 1948 ketika usianya belum menjangkau setahun setengah.

Sedangkan Hizbul Muslimin adalah satu-satunya parti Islam yang terawal ditubuhkan di negara ini. Adalah lebih baik bagi British memperalatkan sahaja parti itu sekiranya logik yang digunakan oleh Dr. Mahathir itu betul.

Perlu diketahui bahawa perjuangan parti Islam di negara ini baik dahulu mahupun sekarang bukan sahaja tidak disenangi oleh British, malah Umno juga turut merasa dirinya tercabar.

Justeru itulah bagi pemimpin-pemimpin Umno, sama ada sebelum merdeka mahupun selepas merdeka terus menyerang parti-parti yang mendokong Islam sebagai landasan perjuangan dengan harapan masyarakat Melayu dan umat Islam di negara ini dapat menjauhkan diri daripada perjuangan parti-parti berkenaan.

Kalau dulu Dato' Onn Jaafar pernah menggunakan slogan *Bahaya Dari Gunong* dan *Red Islamic Party* yang ditujukan khas kepada Hizbul Muslimin serta kaitan PAS dengan komunis yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman, maka tidaklah menghairankan sekiranya pemimpin-pemimpin Umno yang ada pada hari ini terus memainkan perana memberi gambaran buruk kepada masyarakat terhadap perjuangan PAS.

Sebagai sebuah parti sekular yang menerima falsafah aliran pemikiran penjajah, Umno harus ketahuhi bahawa perjuangan mereka bukan sahaja disenangi oleh British, malah British turut mengharapka supaya Umno dapat meneruskan dasar-dasar mereka di negara ini setelah Tanah Melayu (Malaysia) mencapai kemerdekaan.

Atas sebab-sebab itulah British terpaksa mengharamkan beberapa buah parti dan pertubuhan Melayu lain yang lantang bersuara (radikal) terhadap menuntut kemerdekaan negara dahulu.

Umno juga harus menerima hakikat bahawa pengharaman parti-parti tersebut serta penahanan beberapa pemimpin-pemimpin Melayu oleh British di bawah Undang-Undang Dharurat atau

Emergency Regulations pada tahun 1948 yang tidak melibatkan seorangpun pemimpin Umno adalah atas desakan dan dorongan kuat Umno.

Lord Cromer dalam tulisannya pernah menyebut, British bersedia membebaskan tanah jajahannya sekiranya telah wujud generasi intelek dan ahli-ahli politik yang dibentuk melalui pendidikan Inggeris dan mendokong nilai-nilai Inggeris dalam aspek pemerintahan, tetapi dalam keadaan bagaimana sekalipun, kerajaan British tidak akan bertolak ansur walaupun sesaat untuk penubuhan sebuah negara Islam yang merdeka.

Profesor Zainal Abidin Wahid mempersetujui hakikat ini dengan menyebut: "Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dengan mudah kerana Parti perikatan, bukannya bercorak sosialis yang mengamalkan dasar nasionalisasi (milik negarakan harta asing). Dengan dasar pro-kapitalis ini tentunya kepentingan ekonomi British akan tetap terpelihara. Jika diberi kemerdekaan, kepentingan mereka tetap utuh dan terpelihara. Sebab itu British sanggup memerikan kemerdekaan kepada kita."

Dalam apa jua tanggapan Umno terhadap PAS, realitinya PAS atau sebelum penubuhannya secara rasmi dikenali sebagai Persatuan Ulama SeMalaya — ditubuhkan dengan matlamatnya yang tersendiri oleh kalangan ahli agama dalam Umno dan beberapa pucuk pimpinan bekas Parti Hizbul Muslimin yang telah diharamkan oleh British.

Penubuhannya dibuat secara rasmi pada 23 Ogos 1951 di Bangunan Kelab Melayu Bagan, Butterworth. Dalam kongres tersebut, nama Persatuan Islam SeMalaya atau PAS telah berjaya dipilih bagi menggantikan nama Persatuan Ulama SeMalaya.

Pemilihan nama ini dibuat berdasarkan keahliannya terbuka kepada seluruh masyarakat Islam yang telah akil baligh. Oleh kerana tujuan asal penubuhannya adalah untuk mewujudkan satu perikatan Islam, adalah lebih tepat perkataan ulama digantikan dengan Islam kerana dengan perkataan "Islam" itu secara langsung ia meliputi ke semua orang yakni termasuklah ulama itu sendiri.

Orang yang bertanggungjawab membawa perubahan nama ini ialah Ustaz Othman Hamzah, bekas anggota Hizbul Muslimin yang bertugas di Maahad Ehya As-Syarif, Gunung Semanggol, Perak.

Menurut Ustaz Othman Hamzah, antara tujuan asal mengapa PAS ditubuhkan seperti apa yang diterangkan kepada beliau oleh Ustaz Ahmad Maliki, Setiausaha Penaja ialah sebagai sebuah pertubuhan kebajikan yang bersatu dalam pertubuhan itu daripada ulama dan orang-orang Islam rakyat Persekutuan berkedudukan di bawah Umno dengan harapan dapat menasihati atau menekan pucuk pimpinan Umno atau sekurang-kurangnya mengurangkan keluasan Umno daripada melakukan amal usaha yang melanggar dengan batas-batas hukum syarak serta adab susila Islam seperti menganjurkan loteri, mengadakan *fun-fair* dan sebagainya yang mengotorkan kesucian Islam.

Selain itu, beberapa orang ahli penajanya akan bertindak menarik keluar pertubuhan ulama ini daripada Umno sekiranya pucuk pimpinan Umno tidak menerima atau enggan menurut nasihat-nasihat daripada ulama berhubung dengan perkara-perkara yang melanggar dasar Islam atau adat susila yang merendahkan martabat Islam.

Menurut A. Samad Ismail di satu tulisannya dalam *Dunia Islam* (Ogos 1991), penubuhan PAS pada tahun 1951 adalah agak menarik. Pertama kata beliau, PAS ditubuhkan dalam gelora dharurat dan kedua, penubuhan PAS pada waktu itu telah direstui oleh Umno. Sementara akhbar-akhbar terkemuka ketika itu, turut mengalu-alukan penubuhan PAS.

Selanjutnya kata tokoh wartawan itu, saranan penubuhan PAS bukan sahaja diterima baik oleh masyarakat, malah akhbar-akhbar Melayu turut menyeru agar golongan ulama bertindak lebih jauh (daripada sekadar menubuhkan sebuah badan agama kepada mewujudkan sebuah parti politik yang berjuang untuk menuntut kemerdekaan tanahair).

Walaupun berlaku perdebatan mengenai baik buruknya golongan ulama menubuhkan sebuah parti politik Islam daripada

hanya sekadar menubuhkan sebuah pertubuhan yang terkhusus kepada golongan ulama sahaja, namun fikiran umum ketika itu lebih cenderung mendorong ulama menubuhkan sebuah parti Islam yang bercorak politik.

Sesungguhnya, semenjak PAS ditubuhkan pada tahun 1951, parti tersebut telah mangli dengan tipu daya politik, serangan mental mahupun fizikal oleh seterunya khususnya Umno.

Rintangan dan cabaran ini telah berjaya dilalui oleh PAS tanpa sedikitpun mengalami rasa takut, keluh kesah atau kekecewaan.


Malah proses yang dilalui ini dengan sendirinya telah memperlihatkan kematangan PAS dalam perjuangan politik. Tanpa menghiraukan dakyah terbaru Umno itu, kita yakin bahawa rakyat juga, kini telah matang untuk membuat sesuatu penilaian.

Oleh itu, Umno harus sedar bahawa walaupun langkah yang akan dilakukan oleh mereka untuk melenyapkan PAS, sama ada membuang perkataan "Islam" ataupun terus mengharamkan PAS daripada menyertai pilihanraya, tidak mungkin perjuangan PAS akan terhenti setakat itu sahaja.

Kalau sebelum ini Umno pernah mengharamkan logo "bulan bintang" sebagai lambang PAS serta mengharamkan penggunaan kalimah Allah dan Muhammad (dalam tulisan Jawi) pada bendera PAS, terbukti tidak sedikitpun menjejaskan PAS, maka sudah tentu dengan pembuangan kalimah Islam pada PAS juga, tidak akan membawa apa-apa kesan kepada PAS.

Ini kerana perjuangan PAS bukanlah kerana nama tetapi adalah perjuangan suci untuk mendapatkan kekuasaan bagi menegakkan hukum dan kalimah Allah.

Kempen Pilihanraya di Parit telah membuktikan bahawa orang-orang PAS tidak fanatik sebaliknya kempen-kempen kedua-dua parti berjalan secara aman. Kelihatan calon BN dan calon PAS sedang bergambar selepas penamaan calon diumumkan. Dari kiri Ismail Hasbullah (BN), Tarmizi Mohd Jam (PAS), Subky Abd Latif (PAS), Ainon Khariyah (BN), Zaim Abu Hasan (BN) dan Abu Hasan Johor (PAS).



6

***Menghamburkan
Keris Label-Melabel***

SALAH satu cap atau label yang popular dan sering digunakan oleh Umno dalam usahanya membendung pengaruh PAS daripada berkembang, ialah dengan memfitnah kononnya perjuangan PAS menjurus ke arah kefanatikan. Pemupukan sentimen fanatisme di kalangan penyokong PAS, kononnya telah menyebabkan berlakunya masalah kafir-mengkafir, sembahyang dua imam, keluarga berpecah-belah dan sebagainya.

Pemimpin PAS juga dituduh bertanggungjawab membangkitkan sentimen para pengikutnya dengan memperalatkan agama. Islam dijadikan sebagai topeng untuk mendapatkan sokongan orang Melayu dan umat Islam. Dalam masa yang sama, Islam dieksploitasi untuk mencari kepentingan peribadi yang bermotifkan politik.

Perubahan kepimpinan PAS yang berlaku pada awal tahun 80an telah menjadikan perjuangan parti itu ke arah yang lebih aktif dan ada juga yang mengatakannya sebagai agresif.

Kepimpinan ulama yang mendasari perjuangan PAS masa kini menjadikan ideologi perjuangan parti itu lebih jelas lagi menerusi cita-cita penubuhan sebuah negara Islam, pelaksanaan hukum hudud dan apa yang lebih penting ialah merealisasikan Islam sebagai ad-deen yang merangkumi seluruh aspek kehidupan rakyat di negara ini. Islam mempunyai hubungan yang sinonim dengan masyarakat Melayu sehinggakan Islam disamakan sebagai Melayu dan begitu juga sebaliknya. Islam itu Melayu dan Melayu itu Islam.

PAS yang menjadikan Islam sebagai dasar perjuangannya yang utama semakin mendapat tempat di Malaysia, selaras dengan era kebangkitan semula Islam di penghujung dekad ke-20. Parti Umno sedar akan realiti ini lantas memperkenalkan beberapa dasar dan menubuhkan pelbagai institusi yang berbau dan berjenama Islam.

Ini kerana parti-parti yang berlandaskan sokongan orang Melayu mahu ataupun tidak terpaksa menjadikan Islam sebagai agenda perjuangannya jika tidak mahu terpinggir dan dipinggir dalam arus politik negara.

PAS yang ditubuhkan pada tahun 1951 sememangnya telah menjadikan Islam sebagai ideologinya yang utama. Sementara Umno yang diasaskan pada tahun 1946 merupakan sebuah parti yang didokongi oleh mereka yang berfahaman sekular dan nasionalis.

Kemahuan orang Melayu kepada Islam semakin ketara sejak kebelakangan ini. Justeru itu, Umno merasa khuatir dengan kedudukan PAS sebagai parti Islam dan kerana itu mengambil langkah-langkah memburukkan PAS sebagai parti yang fanatik dengan harapan imej PAS akan tercemar.

Beberapa insiden telah diprojekasikan secara besar-besaran untuk memberikan gambaran betapa ganas, militan dan revolusionernya PAS. Para penyokong PAS disifatkan sebagai emosional dan suka bertindak secara melulu serta tidak menghormati undang-undang.

Peristiwa Memali telah digunakan oleh Umno untuk membuktikan kefanatikan PAS. Insiden di Lubuk Merbau juga dihighlightkan oleh Umno dan kerajaan Barisan Nasional melalui media *mainstream* yang di bawah kawalannya sebagai bukti kukuh tentang kefanatikan yang dipupuk oleh PAS di kalangan pengikut dan penyokongnya.

Alasan-alasan sedemikian diguna untuk membenarkan segala langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan Barisan Nasional untuk menghancurkan dan meranapkan pengaruh para pesaingnya. Komitmen, keberanian dan keprihatinan penyokong PAS telah

diberikan tafsiran yang negatif di mana mereka acap kali dijadikan sasaran dan mangsa ke atas segala kesalahan yang dilakukan oleh Barisan Nasional.

Pembunuhan beramai-ramai di Memali menunjukkan betapa tidak rasionalnya kerajaan Barisan Nasional bertindak dan menangani satu-satu persoalan yang timbul. Adalah tidak adil menyerang dan melepaskan tembakan ke atas mereka yang tidak bersenjata dan tidak berdosa.

Dalam hal ini nampaknya kerajaan Barisan Nasional lebih fanatik sehingga tidak lagi berupaya menggunakan kewarasan dari akal yang dikurniakan oleh Tuhan. Malahan tembakan membabi-buta yang dilepaskan ke atas para penduduk di Memali yang boleh dikatakan sebagai fanatik itu adalah tidak wajar sama sekali. Mujurlah, ada istilah fanatik dan taksuf maka dapatlah Umno memperalatkan istilah untuk memberi khabar kepada rakyat kononnya pengikut Ustaz Ibrahim Libya fanatik dan taksuf.

Kefanatan yang diperlihatkan oleh perkumpulan ajaran sesat yang pernah menyerang Balai Polis tidak sewajarnya dijadikan sebagai kes rujukan untuk memerangi PAS.

Perlu diingatkan PAS dipimpin oleh sejumlah ulama yang berautoriti dan memiliki ilmu pengetahuan yang luas. Keyakinan para penyokong PAS adalah bukti kukuh betapa para ulama PAS dihormati dan diiktiraf peranannya. Fanatik kepada perjuangan mendaulatkan Islam dan menegakkan sebuah negara Islam yang mendapat keampunan dari Tuhan adalah menjadi kewajipan setiap umat Islam.

Ajaran Islam menganjurkan penganutnya supaya fanatik kepada agama, Tuhan dan Nabi Muhammad sebagai pernyataan keyakinan mereka yang tidak berbelah-bahagi terhadap kebenaran yang diwahyukan kepada seluruh umat manusia.

Dalam Islam, agama dan politik tidak dapat dipisahkan. Perjuangan menegakkan Islam itu sendiri adalah politik. Jadi, soal Islam itu dipolitikkan serta digunakan untuk tujuan politik kepartian tidak timbul. Umno sebagai parti politik sudah tentu mahu para ahlinya setia kepada parti.

Maka diadakan Program Setia Bersama Rakyat (SEMARAK) untuk menunjukkan sentimen pro kepada parti yang didokongi secara kolektif. Jadi apakah ini bukan fanatik namanya apabila ahli-ahli Umno sanggup menindas, melakukan penzaliman terhadap saudara seagamanya tetapi berlainan parti politik.

Umno yang mendakwa sebagai parti Islam yang ketiga terbesar di dunia sudah pasti memahami konsep jihad yang menuntut pengorbanan serta ketaatan yang total daripada para penganutnya untuk memerangi kemungkaran, kuasa batil dan kejahatan.

Ketaksuban para penyokong PAS adalah untuk merealisasikan Islam sebagai *a complete way of life*. Dan mereka yakin dengan apa yang diperjuangkan oleh parti yang sama-sama mereka anggotai. Dengan itu, kefanatikan yang ditunjukkan oleh para penyokong PAS tidak seharusnya dilihat dari perspektif politik tetapi haruslah dari ruang lingkup yang lebih luas.

Setiap umat Islam dimestikan bersikap fanatik kepada agama. Cuma yang tidak dibolehkan ialah fanatik atau memuja pemimpin sehingga boleh menjejaskan aqidah seseorang. Para penyokong PAS tidak pernah mendewa-dewakan pemimpin, tidak seperti Umno yang para pemimpin besarnya dibuntuti selalu ke mana mereka pergi.

Walaupun dalam ceramah PAS sering kedengaran lafaz takbir yang bertalu-talu dan penuh semangat tetapi ini tidak mencerminkan ketaksuban mereka kepada pemimpin ataupun parti. Takbir yang dilaungkan adalah respon terhadap kebenaran yang dibawakan oleh penceramah. Islam tidak pernah mengajar penganutnya menjadi seorang fanatik yang hilang pertimbangan fikiran yang rasional.

Namun kefanatikan yang ditunjukkan oleh para penyokong PAS adalah untuk membenarkan perjuangan Islam yang dibawa oleh para pemimpin dan parti. Ini juga membuktikan betapa mereka bersungguh di dalam menegakkan Islam. Bukannya slogan-slogan yang dibawakan oleh Umno.

Disamping itu anasir politik yang didakwa berkembang di dalam PAS angkara pembakaran semangat yang dilakukan oleh para pemimpinnya masih belum dapat dibuktikan segala tuduhan

tersebut. Penahanan beberapa pemimpin PAS dalam ISA bukan kerana mereka membangkitkan semangat dan sentimen yang tidak sihat di kalangan rakyat tetapi adalah disebabkan oleh ketakutan Umno terhadap fata mogananya sendiri mengenai pengaruh yang dipunyai oleh barisan kepimpinan PAS.

Pemimpin parti politik yang lain juga ditahan bersama.

Apakah penahanan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan anasir fanatik dan ekstrim agama?

Dari itu, tuduhan PAS fanatik hanya merupakan gimik politik yang dibuat selepas Umno kekontangan isu untuk menjawab setiap persoalan yang dihalakan kepadanya. Selain itu, isu fanatik juga digunakan oleh Umno untuk mengalih perhatian orang ramai terhadap apa yang sedang berlaku di dalam parti itu yang semakin tersepit oleh gejala politik wang dan skandal seks yang tidak berkesudahan. Tuduhan PAS fanatik hanya merupakan satu tuduhan dari Umno dan manifestasi kelemahan parti Umno untuk berdepan dengan PAS.

Maka mahu tak mahu, untuk mengelakkan pengaruh Umno dari hilang sedikit demi sedikit, para pemimpin utama dan jauh-juaknya terpaksa menghamburkan keris label-melabel dan cap-mengecap terhadap PAS dengan pelbagai stiker bergaya — fanatik, jumud, militan, ekstrim, radikal, taksab, menyeleweng, sesat aqidah, memperalatkan agama dan entah apa-apa lagi kegilaan mereka, dengan harapan yang menggunung supaya rakyat seiya sekata dengan mereka dan sekaligus meminggirkan PAS dari politik arus perdana.

Hah! baca lagi bab-bab selepas ini.



Budaya melabel amat penting digunakan oleh Umno untuk mengurangkan sokongan rakyat khususnya umat Islam terhadap PAS. Sebab itu setiap kali pilihanraya pemimpin PAS seringkali diejek dalam bentuk lukisan-lukisan karton yang mengaibkan.

7

**Label, Fitnah Dan Dakyah
Keras Umno
Dijawab**

DALAM kertas kerja Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berjudul "Umno, Islam dan Isu Semasa" ada memuatkan tuduhan-tuduhan keras Umno terhadap PAS yang tidak berasas sama sekali. Kertas kerja itu telah dibentangkan pada 14 Oktober 1985 di Bangunan Risda, Kuala Lumpur, kira-kira 10 tahun lalu.

Umno telah menuduh PAS sebagai parti yang menyebarkan ajaran yang membawa perpecahan dalam masyarakat, antaranya seperti yang dihuraikan selanjutnya dalam bab ini yang sempat dikutip dan digarap semula berdasarkan buku *Muzakarah PASUmno* terbitan Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat sebagai jawapan kepada tuduhantuduhan liar Umno itu.

Persoalan pertama: Orang Umno dalam Barisan Nasional adalah murtad. Tidak sah sembahyang, menjadi makmun kepada Imam dari parti Umno. Sembelah yang dilakukan oleh orang-orang Umno tidak boleh dimakan. Akad nikah yang dijalankan dari orang-orang Umno tidak sah dan hendaklah dinikahkan sekali lagi oleh orang-orang PAS. Jika berlaku kematian tidak boleh ditanam di kubur kawasan perkuran orang Umno. Memperkenalkan isu Asabiyyah dan lain-lain pendapat dan tuduhan yang ada hubungan keraguan terhadap iman atau keIslaman seseorang Islam dari golongan Umno.

Muktahir ini, jika diperhatikan, para pemimpin Umno nampaknya masih berminat untuk mengusik isu basi, sepuluh tahun lalu. Namun kita kluatir, dengan penguasaan seluruh akhbar, radio dan televisyen, mereka sebenarnya mampu berbaut apa sahaja yang difikirkan menguntungkan kepentingan Umno. Seperti juga cerita pengharaman Al-Arqam.

Jadi, elaklah kita, meninjau kembali isu-isu "basi" ini yang cuba dihangatkan kembali oleh Umno setelah politik wang dan korupsi menguasi hati para pemimpinnya dari kelas jerung bahkan pemimpin parti dari kelas ikan belanak, kemeras, sepat dan bilis juga.

Bagi membungkus sindrom kurang berprestij ini maka terpacullah kecaman dan tuduhan keras Umno terhadap PAS.

Murtad (keluar dari Islam)

Gejala murtad menjadi satu perkara yang memang berlaku di dalam masyarakat Islam. Setelah wafatnya Rasulullah SAW, berlaku murtad di kalangan sebahagian ummat Islam dan Abu Bakar As-Siddiq mengambil langkah memerangi mereka, walaupun mereka itu mengucapkan dua kalimah syahadah, tetapi mengingkari zakat dengan mengatakan zakat tidak lagi wajib setelah Nabi Muhammad SAW wafat.

Apakah ummat Islam sekarang ini lebih istimewa daripada ummat Islam dahulu sehingga gejala murtad ini tidak dapat melanda mereka?

Adakah orang-orang Umno yang mengucap dua kalimah syahadah itu mempunyai hak-hak istimewa di dalam Islam dan di sisi Allah SWT sehingga mereka tidak boleh menjadi murtad sekalipun apa juga penyelewengan yang mereka lakukan dan walaupun perbuatan mereka melanggar batas-batas iman?

Jika mereka percaya bahawa orang-orang Umno maksum dan murtad tidak melanda mereka, sekalipun mereka membuat dosa yang melanggar dan melampaui batas-batas iman, bermaknalah mereka ini menganut faham yang sama dengan mazhab

Ismailiyyah yang ittifaq seluruh ulama sebagai mazhab yang terkeluar daripada Islam.

Ulama-ulama Islam di zaman ini mengakui berlakunya gejala riddah dan masyarakat Islam sekarang. Di antara mereka ialah al-Syaikh Abu-l-Hassan Ali al-Nadwi, di dalam risalahnya, *Asifatun Yuwajihuha-l-Islami wa-l-Arabi* dan *Raddatun La Aba Bakra Laha*. Kedua-dua risalah ini telah menerangkan bagaimana gejala riddah itu berlaku dan mempengaruhi negara, pertubuhan, surat-surat khabar dan sebagainya yang menyebarkan dakyah dan memperkuat kefahaman yang menolak Islam.

Bagi PAS, Umno bukanlah mempunyai kedudukan istimewa di dalam Islam. Mereka seperti orang-orang lain, terdedah kepada penyelewengan, kejahatan dan peperangan pemikiran musuh-musuh Islam. Mereka terdedah kepada gejala murtad.

Kami daripada PAS mendengar dengan perasaan sedih dan melihat dengan perasaan pilu terhadap beberapa kenyataan dan perbuatan yang diluahkan oleh beberapa kalangan Umno yang kami yakin melanggar batas-batas keimanan. Cubalah ulama-ulama Umno, khususnya Wan Mokhtar, mengkaji kenyataan-kenyataan ini yang pernah dilafazkan oleh pemimpin-pemimpin Umno dalam Perhimpunan Agong sedikit masa dahulu.

1. Purdah itu kebudayaan orang-orang Arab dan wanita-wanita Arab memang sesi memakai furdah kerana lelaki Arab memang kuat nafsu mereka. Waktu saya di Mekah saya juga memakainya. Tetapi purdah tidak sesuai dengan keadaan di negara kita.
2. Islam tidak sesuai dengan masyarakat majmuk seperti di Malaysia.
3. Sistem riba dibolehkan oleh Islam kerana kita berada di dalam keadaan darurat.
4. Menghadiri upacara ibadat orang-orang Hindu di Batu Caves.

Silalah ulama-ulama Umno menghuraikan dengan terperinci sama ada kenyataan dan perbuatan seperti ini tidak merupakan gejala riddah dengan dalil-dalilnya.

Kami di dalam PAS mengalu-alukan teguran daripada sesiapa sahaja sekiranya kenyataan dan perbuatan kami boleh membawa kepada pelanggaran terhadap batas-batas keimanan, kerana kami sedar kami bukan golongan yang mempunyai hak istimewa di dalam Islam sehingga dimaafkan walaupun melakukan dosa syirik. Bahkan kami ingat akan firman Allah:

"Sesungguhnya Allah tidak mengampunkan dosa syirik terhadapNya dan memberi pengampunan terhadap dosa yang selain daripada itu kepada sesiapa yang Ia suka."

Kami juga sanggup menerima teguran sekiranya kami melanggar batasan keimanan kerana terdedah kepada peperangan fikiran daripada musuh yang membawa kepada riddah. Tetapi biarlah teguran itu jelas dan terang dan menunjukkan di mana kenyataan kami yang salah dan apakah yang betulnya, kerana kami sedar Allah swt telah memberi peringatan tentang permainan dan usaha musuh-musuh Islam yang sentiasa menyebarkan unsur-unsur riddah di kalangan masyarakat Islam. Allah SWT berfirman:

"Dan sentiasalah mereka memerangi kami sehingga menjadikan kami berpaling tadah daripada agama kami sekiranya mereka berupaya. Sesiapa yang berpaling tadah daripada agamanya dari kalangan kamu dan kemudian mati dalam keadaan kafir, mereka itu orang yang sia-sia amalan mereka di dunia dan akhirat dan mereka menjadi ahli neraka yang kekal di dalamnya."

Orang-orang Umno janganlah berfikir bahawa ia mempunyai hak istimewa dari segi keimanan sebagaimana hak istimewa dalam Perlembagaan Malaysia. Janganlah berfikir bahawa kecaman mereka terhadap Islam dan kenyataan yang menunjukkan kurang keyakinan mereka terhadap Islam tidak dikira oleh Allah SWT.

Dengan tujuan untuk menyelamatkan akidah ummat Islam, maka PAS mengadakan program untuk mengingatkan masyarakat Islam tentang bahaya riddah dan menjelaskan batas-batas iman dan kufur. Ilmu ini adakah fardhu 'ain di peringkat yang membolehkan seseorang memelihara iktikadnya dengan ilmu itu. Kami tidak menuduh semua orang Umno murtad. Tetapi kami mesti

mendedahkan pemimpin-pemimpin Umno dan orang-orang Umno yang telah membuat kenyataan yang memperolok-olokkan hukum Allah dan memperkecilkannya, yang merupakan berlaku riddah ke atasnya seperti yang diterangkan oleh Allah SWT.

Orang-orang Umno, dengan kejahilan mereka, ada yang berkata hanya Allah swt yang tahu mengenai keimanan seseorang; kerana itu tidak boleh mempersoalkan keimanan seseorang.

Ya, memang benar, apa yang ada di dalam hati seseorang itu hanya Allah swt yang tahu. Tetapi manusia juga boleh tahu sama ada seseorang itu beriman atau tidak apabila Allah swt memberitahu mengenainya dan menjelaskan sifat-sifat orang beriman dan tidak beriman.

Allah swt memberitahu kepada kita dengan turunnya al-Quran dan menerusi Rasulullah SAW. Sesiapa yang mengkaji al-Quran dan mempelajari keterangan Rasulullah SAW mengenai sifat-sifat orang kafir, murtad, munafiq dan fasiq serta perbuatan mereka, maka manusia itu akan dapat mengetahui dan membezakan antara orang-orang kafir dengan orang-orang Islam.

Ulama-ulama Umno berkata penentuan kafir itu amat sukar dibuat dan penentuannya pula hanya boleh dibuat oleh Qadi (Hakim Syari'e) - (sumber Rumusan Muzakarah Ulama Negeri Terengganu pada 9 - 10hb. Julai, 1985 oleh Ismail bin Ali Pengerusi Sidang Pleno).

Kita mengakui penentuan tentang keimanan dan kekufuran ini sukar dibuat dan mestilah berasaskan borhan dan dalil yang nyata. Perbuatan yang dilakukan itu hendaklah termasuk di dalam kufrun bawah. Dan memanglah bukan tugas kita untuk menghukum dan menjatuhkan hukuman, kerana tugas itu tugas Qadi.

Tetapi di dalam masyarakat kita sekarang ini, manakah Qadi yang menjalankan tugas memeriksa akidah seseorang yang terkeluar daripada Islam secara serius dan adil? Apakah Qadi yang ada sekarang ini mahu membicarakan sekiranya PAS melaporkan pemimpin Umno melakukan perbuatan yang membawa murtad?

Oleh kerana itu pendedahan, penjelasan, peringatan yang berkaitan dengan perkara riddah ini menjadi kewajipan ulama untuk memenuhi tuntutan fardhu kifayah dan kenyataan-kenyataan mereka yang berkaitan dengan hukum orang murtad dilakukan *Ala Sabili-L-Irsyad* atau atas asas menunjukkan jalan kebenaran dan menghindarkan ummat Islam dari mengikut dan mentaati pemimpin yang melakukan pekerjaan dan perbuatan *Kufrun Bawwah*.

Makmum dan Imam

Pemimpin-pemimpin Umno sengaja hendak mempolitikkan persoalan "mengikut imam" yang sudah jelas di dalam hukum Islam. Syarat-syarat iqtida' di dalam hukum-hukum Islam di antaranya:

1. Makmum mengetahui sembahyang Imam itu sah. Sekiranya orang PAS mendengar dengan jelas daripada imam-imam yang dilantik oleh Umno mengeluarkan perkataan yang mempersendakan Islam dan yang termasuk di dalam perkara-perkara yang membatalkan syahadah, adakah bagi orang-orang PAS dan sesiapa juga orang Islam yakin bahawa sembahyang imam itu sah? Dalam keadaan ragu yang demikian apakah pilihan orang-orang yang hendak menjadi makmum?
2. Imam hendaklah qari' dan tidak sah makmum yang qari' mengikut imam yang tidak qari'. Sudah menjadi perkara yang diketahui umum, Umno telah menjadikan syarat utama lantikan menjadi imam ialah ahli Umno. Di antara Imam yang dilantik itu bukan sahaja tidak qari' tetapi tidak mengetahui rukun-rukun iman.

Pendeknya, banyak perkara yang menghalang seseorang mengikut seseorang Imam, terutama apabila Imam itu tidak mencukupi syarat-syarat menjadi Imam.

Apalagi seseorang yang diragukan akidahnya, kerana mengeluarkan perkataan atau melakukan perbuatan yang boleh membawa kepada terbatalnya syahadah dan merosakkan iman.

Sembelihan

PAS tidak samasekali meletakkan larangan memakan sembelihan itu kerana seseorang itu dari parti Umno. Tetapi apabila seseorang itu telah melafazkan perkataan dan melakukan perbuatan yang membatalkan syahadah dengan sendirinya menjadi murtad dan sembelihannya tidak boleh dimakan.

Atas alasan inilah PAS tidak memakan sembelihan mereka yang memperolokkan agama Allah dan mempersendakannya atau mengeluarkan perkataan yang menunjukkan ketiadaan keyakinan mereka terhadap Islam.

Oleh kerana orang-orang Umno ada yang tidak memelihara dirinya daripada mengeluarkan perkataan yang memperolokkan agama dan mempersendakannya atau menunjukkan kurang keyakinan kepada Islam, maka adalah wajar untuk sesiapa sahaja memelihara dirinya dari kemungkinan memakan sembelihan mereka itu yang telah pun menjadi murtad, bukan kerana menjadi ahli Umno tetapi kerana mempermainkan agama Allah swt dan mempersendakannya.

Akad Nikah

Syarat nikah itu diantaranya pernikahan itu dilakukan oleh wali perempuan itu sama ada bapanya, datuknya, saudara lelakinya, mengikut ketertiban yang telah ditentukan oleh syara'.

Tidak ada tersebut di dalam mana-mana kitab al Quran dan Hadith bahawa wali yang sah itu juru nikah yang dilantik oleh Barisan Nasional. Sekiranya pernikahan itu dilakukan oleh juru nikah Barisan Nasional tanpa diwakili oleh walinya yang sah atau diwakili kepada juru nikah itu secara paksa, sudah tentulah pernikahan itu tidak sah.

Pernikahan semula hendaklah dilakukan oleh walinya atau wakil wali itu yang dilantik mengikut syarat-syaratnya. Bukan kerana sahnya pernikahan yang kedua itu disebabkan menganggotai parti PAS.

Perkuburan (Kematian)

Pemimpin-pemimpin Umno yang selalu membuat kenyataan ini hendaklah dicabar supaya mengeluarkan statistik berapa banyakkah perkuburan yang khusus untuk orang-orang PAS di seluruh negara sehingga boleh menjadi dalil bahawa PAS bertanggungjawab menyebarkan ajaran demikian. Tuduhan yang dilemparkan kepada PAS di atas memperlihatkan pengakuan orang-orang Umno bahawa ada perkuburan khas untuk orang-orang Umno yang orang-orang PAS tidak mahu mengkebumikan mayat orang-orang mereka di perkuburan itu.

Dari segi kenyataannya, tidak ada perkuburan orang-orang PAS dan orang-orang Umno di negara ini. Masalah ini sengaja dibesar-besarkan oleh pemimpin-pemimpin Umno untuk kepentingan politik mereka sendiri.

Adalah menjadi perkara lumrah, apabila berlaku selisih faham di kampung-kampung yang melibatkan orang-orang PAS dan Umno, pemimpin-pemimpin Umno akan mengeksploikannya menjadi isu negara dengan tujuan untuk merendahkan PAS secara tidak bermaruah dan memperolehi modal politik dengan mudah. Samalah dengan sikap mereka selalu suka mendapatkan keuntungan kebendaan dengan goyang kaki melalui cara mengalibabakan permit, lesen dan lain-lain.

Sepatutnya, mereka sebagai pemimpin negara akan berusaha menyelesaikan sesuatu perselisihan yang berlaku di dalam masyarakat itu supaya tidak merebak dan menjadi punca perselisihan yang berpanjangan. Kelakuan dan tindak-tanduk mereka membesarkan perkara atau insiden yang berlaku di sebuah kampung di Besut sehingga dihebahkan ke seluruh negara dan tidak mengambil apa-apa langkah yang adil bagi menyelesaikan masalah itu menunjukkan mereka bukanlah pemimpin yang bertanggungjawab dan bukanlah mereka itu pemimpin yang jujur.

Masalah perpecahan yang mereka timbulkan itu, sebenarnya berpunca daripada para pemimpin Umno yang tidak bertanggungjawab ini. Kemudian mereka inilah juga yang sering menjerit di dalam Perhimpunan Agung Umno supaya menangkap

si polan dan si polan untuk menghentikan atau mengatasi apa yang mereka katakan sebagai perpecahan di kalangan ummah.

Asabiyyah

Mengenai *Asabiyyah* PAS tidak pernah memutar-belitkan pengertiannya. Dengan secara tegas PAS menghuraikan persoalan ini berdasarkan Al-Quran dan Hadith. Huraian ini bertujuan menyedarkan masyarakat tentang permasalahan yang dihadapi oleh ummah. Oleh kerana Umno mempunyai ciri-ciri *Asabiyyah* di dalam dasar-dasarnya, sepatutnya, mereka hendaklah mengambil perhatian dengan teguran dan kritik PAS kepada mereka dan memperbaiki dasar-dasar yang mereka laksanakan sekarang.

Dengan keterangan di atas ternyata Umno menjadi punca perpecahan di dalam masyarakat. Keangkuhan pemimpin-pemimpin Umno kepada kuasa, kedudukan, kekayaan dan lain-lain kepentingan untuk diri sendiri, menyebabkan mereka bukan sahaja sanggup melakukan fitnah kepada orang-orang PAS, tetapi juga sanggup melakukan fitnah, menabur berita angin dan sebagainya untuk memburuk-burukkan sesama mereka sendiri. Ya Allah, jauhkanlah kami daripada kaum yang zalim ini.

Persoalan kedua: Parti Umno menuduh jika PAS berkuasa maka segala hak istimewa orang-orang Melayu akan dihapuskan. Kononnya, kenyataan ini dibuat oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang.

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang tidak pernah mengatakan bahawa Hak Istimewa Orang-Orang Melayu akan dihapuskan sekiranya PAS berkuasa. Tuduhan ini adalah putar-belit Umno yang sudah kehabisan modal. Tetapi tuduhan itu telah membuka lapangan baru bagi kita untuk menyerang Umno dari segi hak orang-orang Melayu di negeri ini.

Apabila Umno membangkitkan perkara itu, telah memberi peluang kepada kita mendedahkan penyelewengan pemimpin-pemimpin Umno dengan menggunakan hak istimewa orang-orang

Melayu untuk mengaut kekayaan negara bagi memenuhi kepentingan diri.

Juga, telah membuka gelanggang untuk kita membincangkan konsep hak-hak istimewa orang-orang Melayu yang sebenarnya. Tuduhan Umno itu boleh dijadikan senjata tajam untuk menikam Umno sendiri. Kita akan menggunakan senjata ini sebaik-baiknya. Kita hendaklah mengadakan ijtima-ijtima bertemakan, "Ijtima' mustadafin menuntut hak dan keadilan."

Adalah menjadi tujuan PAS, di bawah pentadbiran Islam memberi pentafsiran semula kepada hak orang-orang Islam dan bukan Islam di dalam sebuah negara Islam mengikut prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

Hak-hak rakyat Islam dan bukan Islam akan menjadi lebih terjamin di dalam negara Islam. Demikian juga hak rakyat Islam akan bertambah luas.

Kuasa politik sebagai pemerintah yang menentukan haluan negara yang tertinggi akan dijamin sebagai hak orang-orang Islam yang adil, yang berilmu dan kukuh peribadinya yang dapat menjalankan dasar dengan baik dan adil untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

Hak keadilan sosial yang tidak wujud sekarang ini, akan dijamin di dalam perlembagaan Islam untuk semua rakyat, kerana keadilan adalah hak asasi manusia yang mesti dinikmati oleh semua manusia.

Seruan dan saranan untuk menghapuskan Hak Istimewa Orang-Orang Melayu tanpa jaminan mendapatkan hak yang lebih luas dan lebih penting, sebenarnya, telah disuarakan oleh Dr. Mahathir Mohammad. Ia berazam hendak menghapuskan hak istimewa orang-orang Melayu setelah orang-orang Melayu boleh bersaing dengan orang-orang bukan Melayu. Sungguhpun rancangan menghapuskan hak-hak orang Melayu akan dibuat setelah orang-orang Melayu kuat, tetapi pokoknya hak mereka akan dihapuskan oleh Dr. Mahathir.

PAS berkata bahawa hak orang-orang Islam akan diperluaskan dan hak istimewa yang tercatat di dalam perlembagaan sekarang

ini akan diberi pengertian baru yang lebih bermakna yang meliputi hak keadilan, hak kebebasan dan hak-hak yang sewajarnya diperolehi sebagai warganegara yang beragama Islam di dalam sebuah negara Islam. Sedangkan konsep hak istimewa sekarang ini adalah ciptaan penjajah yang diteruskan oleh Barisan Nasional untuk kepentingan mereka.

PAS merasakan tidak lojik keutamaan memberi permit-permit teksi atau lori kepada orang-orang Melayu dikatakan hak istimewa, kerana ini tidak menjamin kedudukan mereka yang sah di dalam negara. Sebenarnya hak mereka yang istimewa dan semua hak adalah istimewa ialah hak politik.

PAS di dalam dialog dengan orang-orang bukan Islam, berterus terang menyatakan bahawa hak menjadi ketua negara yang mempunyai kuasa perundangan dan eksekutif di dalam sebuah negara Islam ialah orang Islam yang layak dan adil. Tetapi adakah hak ini dijamin untuk orang Islam di dalam negara kita sekarang? PAS menjelaskan kedudukan hak orang Islam sebagai ketua negara yang mempunyai kuasa eksekutif itu ialah kerana negara Islam hanya boleh dijalankan oleh mereka yang layak, adil dan berilmu sahaja.

Keadilan Islam tidak tercapai jika pemerintahan kerajaan diserahkan kepada manusia yang korap dan tidak mengerti tentang risalah Islam.

PAS akan mendedahkan bagaimana pemimpin-pemimpin Umno sebelum menjadi Perdana Menteri lagi telah berusaha mengubah syarat tanah rizab Melayu dan memecahkannya kepada lot-lot kecil untuk mendapat keuntungan daripadanya. Sedangkan peruntukan tanah rizab Melayu itu dianggap oleh Dr. Mahathir sebagai penghinaan kepada bangsa Melayu dan menyamakan orang-orang Melayu dengan Red Indian di Amerika.

Bukanlah menjadi rahsia lagi kepada masyarakat, bagaimana exco-exco kerajaan negeri daripada pemimpin-pemimpin Umno telah mengubah syarat-syarat risib Melayu yang mempunyai kedudukan strategik menjadikan kawasan perumahan dan perusahaan untuk diserahkan kepada kapitalis-kapitlis dalam dan luar negeri.

Apa ertinya tanah risib ini kepada orang-orang Melayu sekiranya pemimpin-pemimpin Umno yang berkuasa terus bertindak menyeleweng daripada tujuan peruntukan itu diadakan? Dengan penyelewengan ini siapakah yang mengkhianati bangsa Melayu dan siapa yang bertanggungjawab tanah-tanah risib Melayu ini terlepas ke tangan orang-orang lain. Tidak lain pemimpin-pemimpin Umno lah yang menjadi pengkhianat bangsa dan negara yang sebenarnya.

Penyelewengan pemimpin-pemimpin Umno ini hendaklah didedahkan dan diterangkan kepada orang ramai. Mereka adalah manusia zalim yang bekerja hanya untuk kepentingan diri dan memuaskan hawa nafsu sahaja. Kepada orang-orang Melayu hendaklah didedahkan bahawa hak mereka makin bertambah sempit dan tergadai. Kemiskinan di kalangan mereka bertambah. Mereka tidak mendapat jaminan sosial yang sewajarnya.

Orang-orang bukan Islam juga merasa tersepit dengan dasar-dasar kerajaan sekarang ini. Kebudayaan mereka makin pupus. Anak-anak mereka terdedah kepada pengaruh kebudayaan kuning. Pendeknya, tidak ada pihak yang mendapat keuntungan dan merasai kesejahteraan di dalam masyarakat yang diperintah oleh orang-orang zalim.

Persoalan ketiga: Umno berkata dahulu PAS menuduh Umno kafir kerana berkawan dengan orang-orang bukan Islam. Sekarang mereka pula berusaha berbaik-baik dengan orang bukan Islam. Mereka telah meniru Umno. Baru mereka tahu dasar dan strategi UMNO lebih baik dan mereka sekarang telah menerimanya.

Orang-orang Umno memberi gambaran kepada orang-orang bukan Islam bahawa PAS adalah parti yang berbahaya. Dasar Islam yang dibawa oleh PAS akan membawa pertumpahan darah dan huruhara. Orang-orang PAS akan mencampakkan orang-orang bukan Islam ke dalam laut, sekiranya mereka memerintah. Bermacam-macam lagi diayah UMNO memburuk-burukkan PAS di kalangan masyarakat bukan Islam di negara ini sehingga wujud tembok pemisah yang tebal yang menghalang PAS dari tugas

menyampaikan dakwah dan risalah Islam kepada orang-orang Bukan Islam.

Dalam siri dialog dengan orang bukan Islam, kita mendapat tahu bahawa orang-orang bukan Islam begitu takut kepada orang-orang PAS yang mereka anggap sebagai golongan yang ganas dan kaki pembunuh yang kejam sekiranya PAS berkuasa.

Adalah menjadi kewajipan kepada mana-mana kumpulan yang bermaruah dan berprinsip untuk menjaga maruah dan prinsipnya dari fitnah dan anggapan yang jahat seperti yang digambarkan tadi. Kerana itu PAS telah mengambil keputusan untuk menghadapi dan melawan fitnah itu di mana-mana sahaja.

PAS sedar bahawa perjuangan untuk menegakkan Islam ini sentiasa berhadapan dengan ancaman dan fitnah daripada musuh-musuh Islam, terdiri daripada kafirun dan munafiqun dan penjajah. Orang-orang Islam yang berjuang menegakkan keadilan dan kemurnian Islam telah diberi peringatan oleh Allah SWT yang berfirman dengan maksud:

Mereka bertanya tentang berperang di dalam bulan-bulan haram. Katakanlah berperang di dalam bulan-bulan itu adalah berdosa besar. Tetapi menghalang jalan Allah, engkar dengannya dan mengeluarkan ahli-ahli Masjidil-l-Haram daripadanya adalah lebih besar dosanya. Sesungguhnya fitnah itu lebih besar daripada dosa berperang. Dan sentiasalah mereka memerangi kamu sehingga kamu murtad dan berpaling tadah daripada agama kamu, sekiranya mereka mampu.

Peperangan menerusi fitnah untuk menghalang perjuangan dan perkembangan kesedaran Islam menuju cita-cita menegakkan agama Allah menerusi pembentukan masyarakat dan negara Islam, terus menerus dilakukan oleh musuh-musuh Allah. Lebih hebat, lebih kerap dan lebih besar kesannya daripada peperangan menerusi senjata.

Fitnah yang dilemparkan oleh Umno terhadap PAS sekarang ini dan memburuk-burukkan dari sejak dahulu sehingga menghalang kita menyampaikan dakwah kepada bukan Islam, telah berjaya kita pecahkan dengan kesediaan orang-orang Cina

berdialog dengan PAS. Ini memberi kesempatan yang sungguh baik untuk kita menerangkan Islam kepada mereka. Inilah kesempatan yang tidak pernah terjadi di negara kita, melainkan ketika kedatangan Islam buat pertama kalinya di negara kita, ketika orang-orang Melayu beragama Hindu pada ketika itu berkerumun di sekeliling mubaligh-mubaligh Islam untuk mengetahui tentang Islam.

Hubungan kita dengan orang-orang bukan Islam amat jauh berbeza dari persengkokolan Umno dengan orang-orang bukan Islam. Hubungan kita dengan mereka menerusi dialog yang sihat untuk menyampaikan risalah Islam. Sedangkan hubungan Umno dengan mereka ialah hubungan menjaga kepentingan politik dan kekayaan. Umno tidak menyampaikan Islam dan ajaran Islam kepada mereka.

Sebahagian daripada pemimpim-pemimpin Umno yang nakal menggunakan hubungan itu untuk memudahkan mereka berpoya-poya dan mengambil rasuah daripada taukeh-taukeh Cina yang kaya. Sebagai balasan, pemimpin-pemimpin Umno itu menggunakan pengaruhnya untuk membantu taukeh-taukeh itu meragut kekayaan dan membina empayar harta benda.

Tidak menjadi rahsia lagi program "Dialog PAS-Bukan" Islam telah berjaya mengubah pendirian orang-orang bukan Islam terhadap PAS dan mereka mula memberi pertimbangan yang sungguh-sungguh terhadap perjuangan PAS untuk menegakkan negara Islam.

Orang-orang bukan Islam mula menyedari kebagusan undang-undang Islam dan keadilannya. Mereka mula menyedari bahawa ajaran Islam telah membentuk pemikiran yang luas dan sahsiah yang adil yang menghormati hak-hak dan kebebasan orang-orang bukan Islam.

Selama mereka berkawan dengan Umno, kebaikan Islam itu tidak pernah didedahkan kepada mereka. Dasar-dasar yang dijalankan oleh Umno membawa penindasan dan menafikan hak rakyat. Kezaliman, sesungguhnya, tidak membawa kebaikan kepada sesiapaupun.

Persoalan Keempat: Mengapa PAS yang mendakwa berjuang untuk Islam mengambil sikap menentang Umno, pada hal Umno juga Islam. Manakah menasabahnya parti Islam menentang orang-orang Islam. (Soalan yang pernah dikemukakan oleh orang-orang bukan Islam di dalam Siri Dailog PAS-Bukan Islam).

Walaupun orang-orang Umno mengaku beragama Islam tetapi mereka menyokong perjuangan tidak Islam. Pemikiran mereka bukan juga banyak dipengaruhi pemikiran Barat. Perlembagaan Umno dengan jelas menerangkan perjuangan mereka berasaskan nasionalisma Melayu. Berbeza dengan PAS, perjuangan Islam yang bersumberkan kepada sumber Islam yang sebenarnya.

Lagipun perjuangan Umno dan dasar-dasarnya adalah perjuangan zalim. Bagi orang-orang Islam, mereka mesti menentang kezaliman, walaupun kezaliman itu dilakukan oleh orang-orang Islam sendiri. Bahkan penentangan terhadap kezaliman oleh orang-orang Islam itu mestilah didahulukan dalam perjuangan Islam yang sebenarnya. Ini adalah supaya nama baik Islam tidak tercemar. Sebab itulah Saidina Abu Bakar terlebih dahulu menentang golongan murtad dan golongan yang enggan membayar zakat, sebelum mengatur langkah menyerang kuasa-kuasa zalim Rom dan Parsi. Begitu juga yang dilakukan oleh Solahuddin Al-Ayyubi sebelum bertindak menentang tentera-tentera salib di Palestin.

Pengalaman kami berjuang untuk menegakkan Islam selama 30 tahun, Umnolah yang menjadi penghalang yang terbesar. Mereka bukan sahaja menentang kami, bahkan memberi gambaran buruk tentang Islam yang menjadi dasar perjuangan PAS. Sehingga, apabila menyebut PAS dengan dasar perjuangan Islamnya, orang-orang bukan Islam merasa takut dan gentar.

Andaikata Umno sedar dan kembali kepada Islam dengan sebenarnya dan menghentikan segala tindak tanduknya yang zalim, sudah tentu PAS dan Umno boleh bekerjasama dan bersefahaman.

Persoalan kelima: PAS mengumumkan sekiranya ia berkuasa, ia akan membenarkan pihak swasta menubuhkan Universiti-universiti. Tidakkah ini akan membawa kesan yang buruk kepada perimbangan kedudukan pelajaran antara kaum di negara ini?

Jika PAS memerintah negara ini akan dijadikan pusat ilmu. Tidak sebagaimana Umno yang berkuasa menjadikan negara ini pusat pelancungan. Bagi PAS membina universiti lebih penting daripada membina hotel-hotel.

Jika pihak swasta menyumbang untuk membina universiti adalah lebih baik daripada menyumbang untuk membina hotel-hotel yang mengembangkan perbuatan-perbuatan maksiat. Seburuk-buruk kesan yang ditimbulkan oleh kewujudan universiti swasta, jauh lebih berfaedah daripada keuntungan yang didapati daripada hotel-hotel yang menggalakkan maksiat, pembaziran dan sebagainya.

Bagaimanapun universiti swasta yang hendak dibina mestilah mengikut dasar-dasar pendidikan dan pelajaran yang berasas kepada pembangunan insan yang luhur berakhlak dan mahir menjalankan tanggungjawab dan kerja-kerja.

Dengan penubuhan universiti-universiti oleh pihak swasta akan memberi pertolongan kepada kerajaan untuk membanyakkan peluang rakyat menuntut ilmu pengetahuan. Negara ini tidak rugi sekiranya rakyatnya berilmu pengetahuan, walaupun rakyat yang bukan Islam.

Tetapi negara akan rugi sekiranya banyak orang-orang bukan Islam, apalagi sekiranya yang melakukan maksiat itu orang-orang Islam sendiri.

Jika kita mahu warganegara dan rakyat negeri ini menjadi baik, bertanggungjawab dan taat kepada pemerintahan Islam, mereka mestilah dididik dan diberikan ilmu pengetahuan. Sekiranya kita membiarkan mereka berkeliaran di jalan-jalanraya menjadi perompak dan gangster, tentulah kegiatan mereka akan membawa kerosakan kepada negara.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membantu golongan tidak mampu melanjutkan pelajaran mereka. Sekiranya orang-orang Islam tidak mampu untuk mendapat didikan dan pelajaran yang sempurna, kerajaan Islam tidak akan berdiam diri dan akan membantunya kerana tugas kerajaan tidak hanya sekadar menyediakan kemudahan pendudukan, bahkan memastikan bahawa rakyat mendapat pendidikan yang sewajarnya.

Di dalam keadaan peluang pendidikan itu meluas dan di dalam keadaan kemajuan mengutamakan pendidikan tidak akan timbul lagi masalah tiada perimbangan pelajaran antara kaum di negara ini. Bahkan perimbangan antara klas juga dapat dijamin.

Persoalan keenam: PAS berkata perlembagaan negara tidak Islam, pemerintahan sekarang tidak Islam. Tetapi mengapa PAS melibatkan diri di dalam pilihanraya?

Perjuangan PAS adalah perjuangan Islam. Di antara strateginya ialah menentang kezaliman pemerintahan sekarang ini. Oleh kerana penentangan itu boleh dilakukan dengan berbagai-bagai cara dan memasuki pilihanraya itu untuk menentang puak-puak yang zalim salah satu caranya, maka kami pun menyertai pilihanraya tersebut. Dengan lain perkataan, kemasukan kami dalam pilihanraya ialah memenuhi strategi mengguna ruang musuh untuk menentang musuh.

Memanglah pilihanraya yang penuh dengan penipuan dan penyelewengan itu tidak dibenarkan oleh Islam, tetapi sistem Islam tidak pula mengharamkan pilihanraya yang dijalankan secara bersih dan benar-benar memenuhi tujuannya untuk mendapatkan pandangan rakyat.

Lagipun pilihanraya merupakan satu saluran politik yang penting dalam masyarakat kini. Penglibatan di dalam proses politik jahiliyyah untuk mempengaruhi keadaan supaya berubah ke arah Islam adalah kewajipan yang terkandung di dalam tuntutan Islam.

Semasa Rasulullah SAW berada di Makkah, sistem politik dan perjalanannya dikuasai oleh jahiliyyah. Adakah Rasulullah

SAW mengasingkan diri dari terlibat dalam proses politik tersebut dengan alasan sistem yang menguasainya sistem jahiliyyah?

Jawapannya tidak, kerana Rasulullah terus memainkan peranan untuk merubah masyarakat jahiliyyah kepada masyarakat Islam. Rasulullah SAW menggunakan pengaruh keluarga untuk melindungi kegiatannya. Bahkan Rasulullah SAW menggunakan pengaruh bapa saudaranya yang belum menganut agama Islam untuk melindungi gerakannya. Rasulullah SAW juga menggunakan pengaruh Al Abbas (pada masa itu ia belum menganut agama Islam) untuk mengadakan pertemuan dengan orang-orang Aus dan Khazraj yang membawa kepada kejayaan baginda menubuhkan daulah Islam. Kenapa Rasulullah SAW menggunakan pengaruh orang-orang yang belum Islam untuk menjayakan perjuangan Islam sekiranya menggunakan saluran orang kafir itu dilarang untuk menegakkan Islam?

Lagi pun pilihanraya ialah perkara yang baru terjadi dan tidak ada zaman Rasulullah SAW. Kerana itu penentuan tentang larangannya, jika benar menyertai pilihanraya itu dilarang, hendaklah dibuat berdasarkan dalil-dalilnya. Apakah hujjah dan dalil yang menunjukkan haram menyertai pilihanraya?

Itulah beberapa jawapan kepada isu-isu yang ditimbulkan di sekitar perjuangan PAS. Masih banyak perkara-perkara yang dibangkitkan yang perlu diberi jawapan. Bersama-samalah kita memikirkan jawapan tersebut untuk menghilangkan keraguan dan menolak fitnah yang dilemparkan kepada kita.



Barat seringkali melabelkan pemimpin gerakan Islam sebagai fanatik dan taksub. Kemenangan kumpulan Islam di Algeria yang dipimpin oleh Ustaz Abasi Madani telah dianggap membahayakan rakyat dan kemenangan kumpulan ini mesti disekat. Ustaz Abasi telah ditangkap dan dipenjarakan. Semuanya ini adalah permainan Barat untuk memadamkan cahaya Allah di muka bumi ini. Dan apa yang dihamburkan oleh Barat menjadi ikutan pemimpin-pemimpin sekular di negara ini.



Syabas! Kerana Kerajaan begitu peka dalam menangani isu ajaran sesat dan syirik kepada Allah. Hukuman terhadap Mona Fandi patut menjadi pengajaran kepada mereka yang syirik. Bagaimana dengan orang yang menolak hukum Allah dari ditegakkan?



MIC, Gerakan dan MCA tidak ditohmah sebagai parti yang chauvanis kerana menjadi sebahagian anggota komponen Barisan Nasional. Malah dianggap parti yang boleh bertoleransi berkompromi dan kerja sama dengan kaum-kaum yang lain. Mengapakah Umno enggan berbaik dengan PAS?



Datuk Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz, Menteri Besar Kelantan Merangkap Marsyidul Am PAS.



Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sering menunjukkan sikap permusuhannya dengan PAS. Jika benar PAS sesat seperti mana yang didakwanya, beliau sepatutnya menerima pelawaan para pemimpin PAS untuk bermuzakarah secara ilmiah supaya segala tuduhan yang dilemparkan dapat dijawab. Tetapi sehingga hari ini, pemimpin Umno hanya mencari helah untuk memburukkan PAS dan bukannya untuk menjalinkan persaudaraan Islam yang hakiki.



Bukti pemimpin PAS dan pemimpin Umno boleh bersemuka... Bilakah muzakarah Umno-PAS dapat dijalankan demi untuk perpaduan orang Melayu dan umat Islam di negara ini?

8

***Menolak Label Fanatik,
Militan, Ekstrim, Jumud,
Radikal...***

"PAS Fanatik? Penyokongnya militan! Ada yang ekstrim dan taksub? Pemimpinnya pula jumud? Tindakan PAS radikal dan ganas? PAS pemecah-belah perpaduan ummah!"

Dan entah apa-apa lagi tuduhan kurang siuman ditujukan kepada parti PAS. Malah suatu ketika dahulu PAS dituduh komunis dan kini para pemimpin Umno lebih nekad menghamburkan tuduhan baru kononnya, PAS menyeleweng dan sesat. Tindakan seperti yang dihadapkan ke atas Darul Arqam, disebut-sebut untuk dipacukan kepada PAS. Entah esok, entah lusa. Wallah' uaklam.

Inilah nasib PAS. Inilah nasib mereka yang mengganggotai PAS. Tuduhan-tuduhan yang dibina dari lidah yang tak bertulang itu dilancarkan sesuka hati mereka demi memburu kepentingan survival politik dunia mereka.

Perdana Menteri sendiri dalam satu ucapannya cuba menggambarkan betapa gerakan fanatik *al Muwahidun* Ibn Tumart di Maghribi dan gerakan fanatik *al Mahadi* di Sudan tidak memberikan apa-apa kemajuan kepada sesiapaupun sebaliknya hanya menimbulkan huru-hara dalam negara.

Katanya: "Satu kelemahan orang Islam ialah mereka mudah terpengaruh dengan apa sahaja yang dibuat dengan nama Islam. Apabila mereka sudah percaya, mereka kerap menjadi fanatik terhadap kepercayaan ini sehingga sukar bagi umat Islam lain membawa mereka balik ke jalan yang benar". Dalam Umno, rata-rata berpendapat sebilangan umat Islam di negara ini begitu mudah

terpengaruh dengan pihak yang berselindung di sebalik lebel Islam. Mereka beranggapan, kepatuhan dan kewala'kan para penyokong dan pendokong kepada ketua hanya menguatkan kepatuhan membabi buta.

Kononnya, perlakuan sedemikian akan memberi tanggapan kepada orang bukan Islam bahawa orang Islam hanya asyik dengan simbol dan slogan, tetapi tidak berdaya maju. Dan inilah agaknya yang Umno tidak inginkan berlaku dalam parti itu.

Menurut Dr. Yusuf Noor, Ketua Biro Agama Umno, kalau ada organisasi yang hanya tahu mencerca dan memburukkan orang, tidak menghormati jiran dan sebagainya maka slogan yang mereka perjuangkan ternyata palsu. Apabila ada kematian atau majlis perkahwinan mereka hanya cari rakan seperjuangan, bukan rakan seagama. Ini, kata tokoh agama Umno itu sebagai taksu.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Abdul Hamid Othman pula menuduh para pengikut PAS menjadi fanatik natijah hanya membaca kitab berasaskan satu episod sepanjang sejarah umat Islam. Kemudian katanya, mereka mengakui itulah yang benar dan yang baik. Maka ianya perlu dipertahankan.

Label-label yang dilekatkan kepada badan PAS terus diruih-rendahkan kepada masyarakat dengan nawaitu yang nagetif sama sekali. Sikap fanatik, militan, taksu, radikal dan entah apa-apa lagi label ini, terus ditatang penuh bagi menimbulkan rasa takut golongan bukan Islam untuk mendekati PAS, apatah lagi untuk menerima ajaran Islam itu sendiri.

Maka lantaran hebatnya promosi label-melabel yang ditaja dan diasak-asakkan itu, PAS terus dipersalahkan dalam era kebangkitan Islam dekad ini. PAS dikatakan telah menggunakan pendekatan ala-fanatik, yang akhirnya meletakkan seluruh pimpinannya di "kandang orang salah". Antaranya:

1. Tidak mengamalkan sikap terbuka dan menerima pendapat orang lain, walaupun ianya bersesuaian dengan perubahan semasa dan bertepatan dengan fakta-fakta yang rasional.
2. Sikap yang lebih suka mengambil jalan konfrantasi di dalam gerakan dakwah dengan pihak pemerintah.

3. Tidak mengambil kira atau memperdulikan latar-belakang sejarah dan realiti semasa yang wujud dalam masyarakat Malaysia yang terdiri dari masyarakat majmuk.
4. Mengamalkan sikap yang nagetif dan prajudis terhadap apa sahaja perubahan moden khususnya yang berasal dari dunia Barat.

Sebelum ini juga, sewaktu PAS menerokai *Era Kepimpinan Ulama* awal tahun 80-an dulu, pelbagai fitnah dan adu-domba dihamburkan ke tengah masyarakat Islam negara ini. PAS dituduh menghidupkan sembahyang dua imam, enggan makan sembelihan orang-orang Umno, tidak bertegur sapa dengan jiran tetangga (Umno), nikah dua kali, mengkafirkan orang-orang Umno dan bermacam-macam tuduhan keras dilemparkan.

Tuduhan-tuduhan keras ini sebenarnya adalah label-label yang dicipta oleh Umno untuk mengelirukan masyarakat khasnya orang-orang Islam. Dengan label yang mudah dan penuh gimik politik itu, Umno berjaya menagih sokongan pengundi dan sekaligus berjaya juga membenamkan pengaruh PAS di kalangan pengundi Islam.

Sebenarnya budaya melabel ini penting bagi Umno untuk menghadapi PAS. Ia juga adalah sebahagian dari senjata canggih parti itu berdepan dengan PAS selain dari adu-domba dan fitnah-serapah. Sebagai parti pemerintah tentu sekali, musuh utamanya di negara ini wajib ditidakkan keupayaannya, kekuatannya, kemampuannya, kemampanannya dan keunggulannya. Untuk mencapai tujuan itu, strategi melabel ini digunakan kerana ianya tidak menanggung kos pembiayaan tinggi dan tidak juga dibebani rasiko yang berat terhadap keanjalan Umno.

Sekaligus, dengan penguasaan media-massa seperti *RTM, TV3, TV4, Utusan Malaysia, Berita Harian* (sekadar beberapa nama) oleh Umno dari sistem negara yang ada, telah banyak membantu menyebarkan kempen-kempen memburukkan PAS dengan taktik label-melabel ini.

Agak sukar juga PAS nak menolak label-label yang ditohmahkan oleh para pemimpin Umno itu. Kekuatan akhbar

Harakah sebagai akhbar pandangan kedua di negara ini, tidak mampu untuk menjawab segala tohmahan itu kerana edaran dan penerbitannya yang terhad.

Orang-orang Melayu yang beragama Islam di negara ini, nampaknya tidak banyak mahu bertanya atau menyelidiki apakah yang dipaparkan oleh akhbar, radio dan televisyen itu benar atau salah maklumatnya. Sikap mereka hanya "tunggu dan lihat". Budaya mereka pula hanya "menadah". Kelunakan orang-orang Melayu ini pula terus dieksploitasikan oleh pemuka-pemuka media untuk mengisi kepentingan tuan-tuan mereka yang menjadi orang politik sang pemerintah.

Akhirnya strategi melabel menjadi agenda penting untuk menurunkan sokongan rakyat terhadap PAS. Maka timbullah kenyataan dan pandangan kononnya PAS radikal, fanatik, taksub, jumud, ekstrim, pemecah-belah masyarakat dan akhir sekali PAS dituduh sesat dan menyeleweng dari aqidah Islam yang sebenar.

Tidak ada siapa yang boleh menolak label ini melainkan ahli dan para pemimpin PAS seluruhnya. Tolaklah label ini dengan tindakan yang lebih bijaksana, kerana kita yakin dan percaya bahawa senjata label-melabel ini akan terus dipacu oleh para juak-juak Umno untuk melanyak PAS selagi PAS menjadi musuhnya siang dan malam.



***Menyeleweng Dan Sesat:
Di Mana Highway
Muzakarah?***

TINDAKAN Umno menolak pelawaan PAS untuk mengadakan muzakarah bagi membincangkan beberapa isu yang berkaitan dengan agama dan kepentingan ummah, khususnya mengenai tuduhan Umno ke atas PAS berhubung isu penyelewengan akidah amatlah tidak wajar.

Pemimpin PAS menyeleweng?

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam kenyataannya kepada para pemberita pada 11 Mei 1995 lalu dipetik sebagai berkata: "Muzakarah tak payahlah. Tapi kalau nak bincang boleh. Dia nak muzakarah. Ini saya tahu untuk politik, untuk kepentingan politik. Inilah perjuangan PAS." Lihat *Berita Harian* 12 Mei 1995.

Reaksi daripada kenyataan Perdana Menteri itu telah disokong bulat dan disambut baik oleh seluruh juakjuak dan para pemimpin Umno yang lain. Di Johor Baharu, Ketua Penerangan Umno Negeri, Mohamad Aziz dilaporkan sebagai berkata, tindakan Umno tidak melayani hasrat PAS untuk mengadakan muzakarah sebagai tepat kerana masa sekarang bukan lagi sesuai untuk muzakarah sebaliknya untuk kerajaan mengambil tindakan yang wajar.

"Menolak tawaran muzakarah bukan bererti kita takut kepada PAS tetapi masa untuk bermuzakarah sudah berlalu", kata Mohamad Aziz Lihat *Utusan Malaysia* 13 Mei 1995.

Sementara di Parlimen pula, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman dilaporkan sebagai berkata, kerajaan tidak mahu mengadakan muzakarah dengan

pemimpin-pemimpin PAS mengenai soal penyelewengan akidah yang dilakukan oleh parti itu kerana berpendapat ia wajar membabitkan alim ulama.

“Majlis muzakarah ini perlu ada matlamatnya dan tidak boleh diadakan sewenang-wenangnya. Oleh kerana ia membabitkan soal agama dan penyelewengan akidah, lebih baik dan arif diserahkan kepada ulama.

“Mereka (pemimpin PAS) tidak boleh terbabit kerana mereka mungkin mencampuradukkan soalan agama dengan kepentingan politik. Dengan demikian, ia harus diserahkan kepada ahli agama kerana mereka lebih objektif dan tidak terikat dengan kepentingan politik,” kata Menteri tersebut ketika menjawab soalan Wakil Rakyat dari Tumpat, Wan Mohamad Jamil Wan Mahmod di Dewan Rakyat pada 14 Jun lalu.

Wan Mohamad Jamil dalam soalnya antara lain mengulangi pendirian PAS untuk mengajak Umno bermuzakarah dengan bertanya mengapa kerajaan tidak menganjurkan majlis muzakarah dengan pemimpin-pemimpin PAS bagi mencari jalan penyelesaian di atas tuduhan penyewelengan akidah terhadap ahli-ahli PAS seperti yang ditimbulkan oleh Umno.

Pusat Islam dan Majlis Fatwa Kebangsaan kata Wan Mohamad Jamil, dalam hal ini sewajarnya sedia bersemuka dengan pemimpin-pemimpin PAS. Muzakarah itu kata beliau perlu sebagai jalan membuktikan sama ada benar atau sebaliknya setiap tuduhan yang dilemparkan kepada PAS.

Mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu, Timbalan Presiden PAS, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang melahirkan rasa kehairanannya terhadap sikap pemimpin-pemimpin Umno yang masih mengeluarkan dalih untuk mengelakkan muzakarah, malah enggan menjemput wakil PAS bagi mengadakan sebarang bentuk perbincangan. Sebelum itu ketika berucap membahaskan usul menjunjung kasih di atas titah ucapan Yang Di-Pertua Agung di Dewan Rakyat pada 13 Jun lalu, Tuan Guru Haji Abdul Hadi menyebutkan bahawa pihak PAS sentiasa terbuka untuk diajak bermuzakarah dalam menyelesaikan perkara yang dibangkitkan.

“Tidak harus bagi orang-orang Islam meneruskan pertelingkahan tanpa penyelesaian secara Islam. Penyelesaian secara Islam itu ditegaskan oleh al-Quranul Karim, bukannya ciptaan Umno ataupun ciptaan PAS sambil beliau membaca ayat 59 surah An-Nisa’ yang bermaksud: “Maka jika sekiranya kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada Allah (yakni al-Quran) dan Rasul (yakni Hadis) sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat,” ujar Tuan Guru Haji Abdul Hadi.

Selanjutnya dalam ucapan tersebut, Tuan Guru Haji Abdul Hadi menyebutkan bahawa PAS berulang kali mengajak pihak Umno supaya bermuzarakah secara ilmu untuk mewujudkan perpaduan umat yang sebenarnya kerana kita tidak boleh menerima penyelesaian dengan menggunakan tekanan-tekanan politik dan membuat kenyataan-kenyataan melalui media massa, dengan menghukum sebelah pihak tanpa diberi hak kepada yang lain untuk menjelaskan keadaan yang sebenar.

Kerana cara yang berlaku sekarang akan menjadi lebih bersifat fitnah yang menjauhkan lagi jurang yang membawa perselisihan pendapat sehingga terjebak dalam perkara-perkara nas agama secara putus yang tidak harus bagi orang Islam bertelingkah. Dan adalah sangat malang apabila ia mengheret perkara yang berhubung dengan akidah yang tidak patut sedikitpun atau haram dijadikan punca pertelingkahan.

Malah sebelum inipun Tuan Guru Haji Abdul Hadi pernah menegaskan perkara yang sama dalam satu majlis di Masjid Bukit Gasing, Marang pada awal Mei lalu.

“Pembuktian penyelewengan itu hendaklah disandarkan kepada dalil-dalil al-Quran, hadis dan rujukan yang muktabar. Kalau Perdana Menteri tidak tahu, ia boleh memanggil pembantunya supaya dapat menunjukkan di mana penyelewengan itu berlaku,” katanya.

Selanjutnya kata Timbalan Presiden PAS itu, PAS sentiasa membuka pintu rundingan dengan pemimpin-pemimpin Umno bagi mencari penyelesaian yang benar dan selamat di dunia dan akhirat.

Kalau pemimpin-pemimpin Umno mempunyai hujah dan bukti yang jelas, mereka boleh memanggil semua mufti dan pihak-pihak lain bagi memberitahu di mana sesatnya akidah PAS," jelasnya lagi.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin PAS Pusat turut menggesa Umno supaya menyenaraikan nama-nama ahli dan pemimpin PAS yang didakwa menyeleweng daripada akidah bagi membolehkan diambil tindakan. Ini kerana katanya PAS tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana ahli parti yang didapati menyeleweng daripada akidah Islam.

Sehingga hari ini, sikap keterbukaan para pemimpin PAS untuk mengajak Umno bermuzakarah masih dipandang dingin. Pemimpin Umno berdolakdalik untuk mengelakkan dari terjadinya muzakarah ini. Mengapa? Apa yang digentarkan? Apakah dengan berlangsung muzakarah ini, Umno merasakan parti dan perjuangannya akan terdedah kepada penilaian baru rakyat dan umat Islam di negara ini.

Kesediaan para pemimpin PAS untuk tidak menutup pintu *highway* muzakarah kepada Umno patut dipuji. Umat Islam di negara ini wajar melaihat dan menekuni sikap terbuka PAS itu. Dengan ini, tuduhan kononnya PAS jumud, tertutup, ganas, eksklusif dan fanatik terjawab dengan kekuatannya yang tersendiri.

Jika PAS seperti yang dituduh, maka sudah barang tentu para pemimpinnya berdegil untuk membuka pintu atau tingkap muzakarah dengan Umno. Di manakah fanatik dan taksub yang dimaksudkan itu? Apa yang jelas, Umno lebih fanatik dan taksub dalam soal muzakarah ini dengan merekacipta alasan dan cerita dogeng untuk melarikan diri dari menemui alim ulama PAS.

Jika para pemimpin Umno dan segala alim ulamanya bersedia menemui Ustaz Ashari Muhamad dan sukusakat AlArqam suatu ketika dulu malah bersoaljawab secara terbuka di Pusat Islam yang disiarkan secara langsung menerusi kaca televisyen, maka sudah tentu episod yang sama mampu dilakukan oleh Umno kepada para pemimpin utama PAS. Mengapa Umno tidak mahu memanfaatkan sikap terbuka PAS itu? Sedangkan perkara yang sukusakat Arqam tidak inginkan dalam operasi jamaahnya dulu ialah penangkapan

Ustaz Ashari dan orang kanan-kirinya. Sebab itu mereka meninggalkan Malaysia dan menetap di Thailand dan entah negeri mana lagi agaknya. Tidak ada pemimpin AlArqam rasanya, yang bersedia untuk mengistiharkan diri berpaling tadah dan mengakui menganut ajaran sesat selama ini secara langsung ditonton berjuta-juta warganegara Malaysia.

Ketika Debat Umno-PAS pada tahun 1984 dulu juga, PAS sudah menunjukkan minat yang luar biasa untuk bersemuka dengan Umno dalam menjawab dan menjelaskan segala macam tuduhan liar parti itu terhadap PAS. Tetapi Debat Umno-PAS itu dibatalkan walaupun tajuk, pengerusi, tempat dan pelbagai syarat dikenakan oleh Umno ke atas PAS, namun sikap terbuka PAS tidak pernah luntur untuk menarik diri atau mensabotaj Debat Umno-PAS itu. Sebaliknya, Umno atas nama Penyimpan Mohor Raja-Raja telah mengistiharkan pembatalan debat itu.

Soalnya, bilakah Umno berani bersemuka?

Dan bilakah Umno juga pemimpin-pemimpin hebatnya mahu membuka pintu *highway* muzakarah untuk PAS dan membincangkan soal survival umat Islam di negara ini? Rasanya, orang-orang seperti Dr. Abdul Hamid Othman, Wan Mokhtar Ahmad, Yusof Noor dan segala macam suku-sakat ABIM *ala-Anwariyun* mampu menasihatkan Dr. Mahathir agar diadakan muzakarah atau bak kata Dr. Mahathir juga, bincang boleh. "Muzakarah tak payahlah. Tapi kalau nak bincang boleh. Dia nak muzakarah. Ini saya tahu untuk politik, untuk kepentingan politik. Inilah perjuangan PAS."

Dr. Mahathir tak mahu muzakarah dengan PAS kerana dia menganggap itu adalah untuk kepentingan politik PAS. Tapi, dia boleh bincang. Kadang-kadang terfikir juga kita, betapa jumudnya Perdana Menteri kita ini dalam menilai maksud "muzakarah" dan "bincang". Agaknya, mungkin kerana kurangnya kefahaman dari segi istilah dan ilmu Islam, maka Dr. Mahathir tidak mahu muzakarah dengan PAS. Yang menghairankan kita lagi, apabila dia kata muzakarah ini untuk kepentingan politik PAS, sedangkan dalam masa yang sama ia juga untuk kepentingan politik Umno.

Dulu, tak mahu debat. Muzakarah juga tak mahu. Nampaknya dia mahu bincang. Itupun belum tahu lagi mahu atau tak mahu. Bila PAS kata mahu nanti, maka barulah pemimpin Umno kata tak mahu kerana ia tujuan politik. Macam Dr. Mahathir tak tahu, bahawa PAS itu adalah parti politik.

Semuanya ini, dari pimpinan kelas jerung, kelas ikan kembung, belanak dan kemeras hinggalah kelas ikan bilis, sengaja mengada-adakan alasan untuk menutup rapat dan kedap pintu *highway* muzakarah yang diperkatakan, kerana mereka tahu antara kilat dalam kilau dan kebenaran hakiki. Mereka tahu siapa sesat dan siapa menyeleweng dari al-Quran dan Hadis. Tetapi, mereka masih nakal untuk terus membungkus kebatilan perjuangan Umno itu dan enggan menyarung kebenaran yang datang dari Islam.

Hei Umno!

Bukalah pintu *highway* muzakarah kamu seluasluasnya untuk PAS demi perpaduan dan survival ummah!

10

***Ketahanan PAS Ancam
Masa Depan Umno***

UMNO nampaknya begitu beriya-ia sungguh memainkan peranannya menghasut rakyat di negara ini supaya mereka membenci, memusuhi dan menjauhkan diri dari kapal perjuangan PAS.

Tuduhan Umno yang melebel PAS sebagai parti yang memeralatkan agama, taksub, jumud, fanatik, menycleweng, menentang pembangunan, anti-nasional dan yang terbaru menghasut kanak-kanak supaya membenci kerajaan dan beberapa tuduhan keras yang lain turut dipacukan oleh Umno sebagai kesinambungan taktik parti itu memunculkan rasa tidak senang rakyat terhadap PAS.

Demi untuk membendung dan menguak arus kebangkitan Islam yang diutarakan oleh PAS dan demi untuk mempertahankan sedikit kuasa dan kedudukan yang ada ditakhta mereka, maka Umno mungkin bertindak lebih daripada itu. Secara jelasnya, arus kebangkitan yang dipacu oleh PAS makin mendapat perhatian serius khalayak untuk menekuni dan merapati PAS. Dan fenomena ini sudah barang tentu menggelisahkan Umno dan tindakan untuk membendung secara habis-habisan oleh pimpinan parti itu pasti akan diambil dan dipercepatkan. Apatah lagi ketika ini, rakyat mulai menampakkan sikap untuk menolak ideologi nasionalis sempit dan sempit itu.

Perkara ini jelas terbukti sekiranya dilihat kepada keputusan pilihanraya umum lalu. Walaupun PAS tewas dikebanyakan kawasan yang ditandinginya, tetapi ada tanda menunjukkan bahawa undi yang diperolehi oleh PAS khususnya di kawasan orang Melayu (Islam) amat memberangsangkan.

Malah di beberapa kawasan kubu kuat Umno sendiri, khususnya di kawasan Presidennya, Dr. Mahathir Mohamad, tampak tanda-tanda perubahan ke arah yang lebih positif sedang diterjemahkan oleh masyarakat di sana; di mana mereka mahukan Islam yang dicanangkan oleh PAS dan menolak perjuangan politik pembangunan kebendaan yang melalaikan dari Umno.

Kekurangan majoriti sebanyak 4,837 undi yang diterima oleh Dr. Mahathir di Parlimen Kubang Pasu jelas memperlihatkan keadaan itu, dan sedikit sebanyak telah memberikan kesan yang mendalam kepada Umno. Secara tak langsung sekaligus ia memberikan tamparan hebat kepada imej Perdana Menteri yang berprestij itu.

Sementara di Kelantan pula, walaupun Umno secara terbuka dan angkuh berkeyakinan penuh bahawa mereka akan merampas semula negeri itu daripada Angkatan, tetapi nampaknya rakyat Kelantan masih celik politik dan masih merindui pemerintahan PAS dan Semangat 46. Mereka gagal dibutakan mata hatinya oleh Umno, sekalipun curahan wang dan laba dihamburkan ke kaki tangga rumah mereka.

Sesungguhnya iklim perubahan yang dituntut oleh sebahagian besar masyarakat dengan memberi sokongan mereka kepada perjuangan PAS amat mengejutkan. Walaupun sewaktu kempen-kempen pilihanraya dilancarkan, PAS tidak pernah menabur janji apa-apa untuk mengagihkan habuan atau saham kepada rakyat apabila menyokongnya sebagaimana yang telah dipertontonkan oleh Umno. Sekalipun tidak berjanji itu dan ini, namun rakyat terus memilih PAS dalam pilihanraya lalu. Ini sudah semestinya mengkhawatirkan pimpinan Umno betapa pengaruh mereka kian ditimbus dek kemaraan PAS.

Justeru itu, tidaklah menghairankan sekiranya Umno mengambil sikap permusuhan dan membenci PAS secara membabi buta dan membuta tuli; seolah-olah PASlah satu-satunya parti pembangkang yang terdaftar di negara ini, sedangkan terdapat beberapa parti pembangkang lain yang tidak kurang kentalnya seperti Semangat 46 dan DAP. Kerisauan juga jelas terbayang di kepala pimpinan Umno bila menghadapi krisis dalam yang kian

kronik dan menanah. Natijah dari parti itu yang sering dilanda arus pergolakan dan krisis, sama ada pergolakan atas nama perebutan jawatan Menteri Besar, Exco Kerajaan Negeri, Ketua Bahagian ataupun Ketua Cawangan atau apa-apa jawatan yang ada dalam parti dan kerajaan, maka perpecahan sudah menjadi sindrom biasa disebalik kestabilan parti itu, kononnya. Lebih hebat lagi, team-team dalam Umno sudah mula menampakkan A atau B seseorang tokoh dan penyokong parti.

Sementara dalam PAS, pergolakan atas perebutan jawatan diperingkat tertinggi atau terendah yang ada dalam parti atau skandal yang membabitkan para pemimpin tidak pernah muncul untuk dijadikan masalah dalaman PAS (kecuali dalam kes YB Mohamad Sabu, itupun telah dapat diselesaikan di mahkamah). Keutuhan dan kesepaduan unik di kalangan ahli dan pemimpin PAS tidak pula kenampakan hinggap pada jasad Umno.

Mungkin di sini Umno mulai melihat kekuatan yang ada pada PAS, dan sebagai salah satu cara untuk memecahbelahkan PAS disamping menjauhkan masyarakat daripada mendekati perjuangannya, maka Umno terpaksa menyediakan beberapa cerita metos atau propaganda baru berunsur fitnah dengan menampilkan PAS sebagai sasaran utama senjata dakyah dan label-melabel mereka.

Dengan momokan dan pelbagai cerita buruk yang direka sedemikian rupa dan dihalakan kepada PAS itu sebkurang-kurangnya mereka menjangkakan ianya akan mempengaruhi rakyat supaya membenci perjuangan PAS, dan dalam masa yang sama juga dapat mengalihkan biji mata, telinga dan minda rakyat untuk melupai segala krisis, skandal dan kepincangan yang sedang melekat pada hati hitam mereka, seterusnya dapat memulih dan meyakinkan semula rakyat terhadap perjuangan yang dibawa oleh Umno.

Namun begitu, apa yang dapat dilihat, dakyah dan gelembong yang dibawa dan dilemparkan oleh Umno itu nampaknya masih belum mendatangkan apa-apa natijah terhadap perjuangan PAS. Malah dengan tindakan itu juga, PAS dihempap dan dihimpit hingga mangli dengan kepayahan dan penderitaan yang akhirnya

menampilkan sebuah perjuangan yang cekal, kental, mampan dan tuntas. Secara amnya, PAS masih mampu bertahan dan memberi saingan kepada Umno walaupun ia seringkali difitnah, dikeji, dicaci-cerca dan ditindas. Persoalannya, kenapakah PAS masih mampu hidup subur bahkan lebih sihat dari sebelumnya walaupun ia sering dihempap kezaliman dan penindasan tajaan Umno.

Atau dalam istilah lain PAS masih mampu bertahan walaupun tentangan dan rintangan yang dilaluinya amat dahsyat sekali. Dan sekiranya apa yang terkena pada diri PAS ini dihalakan kepada jasad Umno, ramai mengira, tidak mungkin Umno boleh hidup dan berasa lega dengan apa yang dirasakan oleh PAS sekarang. Mungkin Umno sudah lama dipaku dan dipacu ke kubur tanpa nensan!

Di sini dapatlah kita melihat atau meyingkap kelebihan dan rahsia pada diri PAS itu sehingga ketahanan, kekuatan dan kekentalannya begitu kukuh sekali.

Sesungguhnya, ketahanan dan kelebihan yang ada pada PAS itu ialah dasar Islam yang dibawa dan diperjuangkannya. Dengan dasar tersebut yang meletakkan al-Quran, al-Hadis, ijmak ulama dan qiyas yang nyata sebagai sumber rujukan dan garis panduan dalam berpolitik serta menjadikan hukum Allah swt sebagai hukum yang tertinggi dalam pegangannya, maka tidak mungkin perjuangan yang di bawa oleh PAS akan menjadi lemah atau luntur apabila mendepani tekanan demi tekanan yang terpaksa dilalui dan ditempuhi.

Ini kerana perjuangan menegakkan Islam mestilah melalui onak dan duri-duri berbisa sebelum ianya mencapai kemenangan. Bagi sebuah gerakan Islam, sebarang tekanan atau rintangan yang dihadapi akan memperkuatkan lagi kedudukan dan perjuangannya dalam menghadapi apa sahaja yang menghalang tertegakkan hukum Allah di muka bumi ini. Sejarah juga telah membuktikan bahawa Islam mampu memuncakkan kemenangan apabila ia ditindas dan ditekan dengan sehebat-hebatnya, seperti sebuah sring yang dihenyak dan akhirnya terlantun dengan kuat dan hebat.

Kemenangan yang dicapai melalui kepayahan itulah yang akhirnya mampu memperolehi kejayaan mutlak dan seterusnya

bertahan dalam tempoh masa yang lama. Adapun bagi Umno, perjuangan mereka adalah berkisar kepada fahaman kebangsaan yang sempit dan sempit itu, dengan menjadikan harta dan kemewahan sebagai faktor dorongan utama untuk menarik minat masyarakat menyokong mereka.

Justeru dalam perjuangan mereka, wang ringgit dan harta mengatasi segala-galanya. Tanpa Ringgit Malaysia (RM), semua kerja politik terbunuh. Dan natijah inilah sedang melanda Umno sekarang ini, di mana sekelompok dari kalangan mereka yang ingin mendapat kuasa atau menguasai pucuk pimpinan, baik diperingkat mana sekalipun terpaksa menabur puluhan ribu ringgit, malah ada terpaksa berbelanja hingga mencapai angka berjuta-juta ringgit seperti yang berlaku di Kg. Gajah, Perak (Tajuddin Abdul Rahman) kerana semata-mata inginkan kedudukan dan pangkat yang boleh membeli segala-galanya kecuali kematian.

Sekiranya amalan rasuah dan politik wang ini boleh berlaku dengan bebas dan jelas dalam kelompok mereka, maka apakah tidak mungkin sindrom yang sama boleh dipacu dan digunakan oleh mereka untuk mendapatkan kuasa bagi memerintah negara dengan membeli undi atau menyogok rakyat (dengan Ringgit Malaysia) bagi mengundi calon-calon mereka dalam satu-satu pilihanraya.

Justeru itu, tanpa wang dan harta sudah tentu Umno tersungkur atau terlingkup dalam perjuangannya. Tetapi apa yang dapat dirasakan oleh Umno sekarang dengan arus kebangkitan Islam yang dipacu oleh PAS, akan menampilkan Islam sebagai ancaman baru kepada saingan undi dan pengaruh Umno dalam mesyarakat.

Perlu disebutkan bahawa perjuangan PAS bukanlah hanya menentang Umno atau Barisan Nasional secara membabi-buta atau ingin mengundang permusuhan dengan mereka.

Tetapi apa yang diperjuangkan oleh PAS selama ini ialah ingin menempatkan Islam dipuncak yang sewajarnya dan mengajak seluruh masyarakat hidup di bawah sistem Islam itu yang mampu memberikan keadilan sepenuhnya (itupun sekiranya mereka mahu).

Dan di sini, PAS telah berkali-kali menyebut bahawa para pemimpinnya sanggup bekerjasama, malah bersedia duduk di bawah kepimpinan Umno sekiranya Umno sanggup memperjuangkan dan menjadikan Islam sebagai dasar parti mereka. Perkara ini telahpun ditegaskan oleh secara berulang kali oleh pucuk pimpinan PAS Pusat.

Justeru ke mana sahaja PAS pergi, PAS telah mengajak seluruh umat Islam di negara ini bergabung tenaga dalam satu jamaah untuk menegakkan hukum Allah, dan dengan kesepaduan yang kukuh diantara umat Islam di negara ini akan lebih pantas lagi mencapai kemajuan dan kemenangan yang diharap-harapkan selama ini.

Tetapi apa yang menjadi malang, Umno masih tidak mahu menampilkan dirinya kepada Islam yang sebenar. Islam yang digemari oleh Umno hanyalah Islam secara separuh atau sekerat dengan mengambil mana—mana yang sesuai dengan kehendak mereka dan menolak atau meninggalkan sebahagian yang lain. Sedangkan apa yang dikehendaki oleh PAS ialah Islam yang hakiki (total) dengan menjadikannya satu panduan hidup yang menyeluruh.

Mengapakah apabila PAS menegaskan perjuangannya adalah Islam, maka Umno dan segala suku-sakatnya yang enggan menerima Islam menghamburkan tuduhan dan melabelkan PAS kononnya parti yang memperalatkan agama untuk kepentingan politik, menyeleweng, taksub, fanatik, perkauman sempit, militan, radikal, jumud dan macam-macam lagi. Tuduhan ini sama sekali tidak berasas.

Sebagaimana yang disebut tadi bahawa Umno sebenarnya enggan bekerjasama dengan PAS. Mungkin mereka masih sayangkan lagi ideologi usang yang telah dianuti mereka hampir sejak setengah abad lalu, dan dari sinilah timbulnya percanggahan di antara Umno dan PAS dan akhirnya PAS terpaksa memacu haluan sendiri dengan menjadikan Umno sebagai musuh politiknya.

Dalam soal ini, tidak timbul label taksub, fanatik atau menyeleweng seperti yang dikatakan itu. Sokongan yang diberikan

oleh rakyat kepada perjuangan PAS bukanlah atas sifat taksub atau fanatik mereka kepada PAS, tetapi adalah atas dasar kerelaan hati untuk melihat Islam didaulatkan di negara ini.

Perkembangan ini menyedarkan Umno betapa kuat dan kentalnya ketahanan PAS dalam menongkah arus perdana politik negara. Malah secara tidak langsung, Umno membuat tanggapan bahawa PAS adalah satu-satunya parti lawan yang berupaya menumbangkannya pada suatu ketika nanti.

Tambahan pula iklim perubahan yang dikehendaki oleh rakyat dalam mencorak struktur politik negara nampaknya makin hari makin berubah. Beberapa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Umno dan kerajaan tidak lagi boleh dibungkus bangkainya dengan daun lalang, dan pembongkaran segala macam skandal dan korupsi ada yang sudah dihamburkan ke pengetahuan umum oleh pemuka-pemuka suratkhbar lama.

Lantaran itu, Umno hanya menunggu masa sahaja untuk terburai dek ketahanan yang dimiliki oleh PAS itu.



Presiden PAS, Ustaz Fadzil Mohd Noor... bersedia mengadakan muzakarah dengan pemimpin Umno. PAS tidak pernah menolak untuk mengadakan muzakarah sebaliknya dalih-dalih dari pemimpin Umno membuktikan bahawa mereka takut dengan penjelasan daripada PAS. Kerana dengan penjelasan ini, rakyat akan membuat penilaian baru terhadap perjuangan Umno.



Mestikah Diadakan Muzakarah Umno-PAS?

“ Tulisan ini tidak semestinya menggambarkan pendapat pengarang. Ia sekadar untuk membuka fikiran bagi kita sama-sama menilai dan mencari kerasionalannya.”

KONFLIK Umno-PAS dalam isu Islamisasi tidak semestinya membawa kesan negatif. Kesan yang timbul daripada konflik ini adalah suatu peluang baik untuk mewujudkan suasana *check and balance* dalam usaha-usaha Islamisasi di negara ini. (1)

Apabila ini terjadi, maka penentangan diantara Umno-PAS dilihat secara kritis baik daripada bidang siasah, falsafah perjuangan serta aliran pelaksanaannya. Maka sebarang usaha ke arah cita-cita Islam pasti dilihat secara serius oleh kedua-dua belah pihak. Dalam hal ini, inilah masanya PAS mengukur keikhlasan Umno dalam cita-cita Islamnya. Apakah Umno menggunakan Islam untuk kepentingan politik mereka?

Dan inilah masanya PAS membuat *check and balance* untuk menilai keikhlasan itu. Bagi Umno untuk mengelakkan tuduhan ia tidak ikhlas, maka perlulah ia membina kepimpinan tulen, seperti mengambil contoh yang dikemukakan oleh tokoh sosiologi Islam, Ibn Khaldun (1332-1406). Menurutnya, ciri-ciri kepimpinan yang unggul ialah:

1. Giat menegakkan perbuatan baik dan menghidupkan sifat baik.
2. Suka menolong.
3. Suka memaafkan kesalahan pada tempatnya.
4. Suka melayan dan melindungi pihak yang lemah.
5. Murah hati terhadap tetamu.
6. Memelihara yang miskin.

7. Sabar dalam kesusahan.
8. Jujur dalam kata-kata dan tingkah laku.
9. Menghormati agama dan alim ulama.
10. Menghormati guru dan alim ulama.
11. Tidak sombong terhadap yang miskin.
12. Suka mendengar teguran atau kecaman.
13. Mempunyai semangat persatuan.
14. Menghargai dan menghormati lawan.
15. Menepati orang yang layak dalam jabatan yang memerlukan mereka.
16. Menjauhi hidup mewah yang dapat memerosotkan sifat kemajuan sebagai giat bekerja, tahan uji, tidak putus asa dan seterusnya.(2)

Umno boleh menunjukkan keikhlasan apabila ia mempunyai keperibadian muslim yang sejati. Dari segi amalan pokoknya, ia mesti ke depan. Seharusnya Ketua Cawangan Umno menjadi imam di mukimnya. Kelantan pernah mempunyai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang berjiwa Islam dan mengamalkan cara hidup Islam. Meskipun dia seorang ADUN Umno, tetapi sifat-sifat kepimpinannya disenangi oleh semua pihak.(3)

Disamping itu, Umno boleh menjelaskan dilemanya kepada PAS bagaimana Islamisasai yang dilaksanakannya sekarang boleh diterima atau tidak oleh orang Islam dan masyarakat bukan Islam di negara ini. Sejauh manakah pula kuatnya sistem Islam yang telah dilaksanakan dengan sistem yang sedia ada?

Mengikut Yusuf Rawa, program-program Islamisasi adalah projek Dr. Mahathir.(4) Dalam hal ini, Hadi Awang menjelaskan bahawa Dr. Mahathir belum menjelaskan kedudukan Islamisasi itu seperti yang dijelaskan oleh Anwar Ibrahim.(5) Menurut Chandra Muzaffar, "daripada nilai, telah dipilih untuk dipegang dan diserapkan sebagai nilai-nilai Islam dan ini jelas dilihat dari segi motifnya."(6)

Dalam aspek pelaksanaan Islamisasi, kerja kuat dan disiplin ditekankan tetapi tidak disebut pula dengan nilai-nilai seperti

persamaan, kebebasan dan keadilan? Ini seolah-olah Islamisasi nilai-nilai Islam tidak mempersoalkan *social order*. Jika persamaan diketengahkan, ini bererti rakyat ingin tahu sama ada pertalian di antara kemunculan kuasa politik dan ekonomi adalah *egalitarian*.

Begitu juga, jika kebebasan diberikan, rakyat ingin tahu kenapa bayang akta dan ordinan dibuat bertujuan untuk mengurangkan hak-hak sivil dan kebebasan berpolitik? Ini bermakna persamaan, kebenaran dan keadilan bukannya menjadi minat kepada mereka yang berkuasa.(7)

Dalam hal ini, PAS menyifatkan tindakan Umno mengenakan diskriminasi menyebabkan mereka selalu ditekan. Mereka menyatakan Umno lebih kepada slogan tetapi realitinya PAS sentiasa diperas.

Diskriminasi ini mungkin timbul disebabkan oleh sikap pemimpin Umno yang menganggap pembangunan sebagai suatu *favour* yang mesti dihargai dan dibayar dengan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada kerajaan.

Pernah Dr. Mahathir menyelar para pelajar, khususnya para pelajar luar negara yang mengkritik dasar-dasar kerajaan, sebagai tidak mengenang budi, tidak berterima kasih dan tidak bersyukur.(8)

...it shows that the (Umno leader) see development carried out for the people as great favour done by them. It is not something that the people are entitled to... (umno leaders) expectation of gratitude.. reveals how Umno leader link gratitude to an unquestioning attitude to loyalty.

That criticism should be interpreted as ingratitude indicates that gratitude has only one meaning; unquestioning loyalty to the leadership.(9)

Lantaran itulah Umno mahukan sokongan yang bulat kepada parti pemerintah sebagai balasan kepada *favour* yang telah diberikannya. Andainya ini tidak dihargai, maka *favour* itu akan dihentikan atau ditarik balik atau dinafikan kepada mereka yang menentang kerajaan.

Menyentuh hal ini, Islam amat menekankan penyempurnaan keperluan asasi dalam kehidupan kepada semua warganegara tanpa mengira darjat dan agama.(10) Oleh kerana tekanan demi tekanan dikenakan terhadap penyokong-penyokong PAS maka abibatnya berlaku pulau-memulau, tindak balas mengasingkan diri dan membentuk kelompok-kelompok sendiri. Jadi, siapakah yang patut disalahkan kalau perpecahan bangsa Melayu ini berlaku?

Perpecahan yang melanda umat Islam, Umno menuduh dan menyalahkan PAS yang bertanggungjawab kerana ia memperalatkan Islam untuk kepentingan politiknya dan menggunakan ayat-ayat al-Quran bagi mendapatkan pengaruh. Betapa Islam telah dipermainkan untuk dijadikan modal politik dan kepentingan diri (PAS).(11) Isu-isu dan persoalan-persoalan sosial, ekonomi dan politik yang ada hubungan dengan agama Islam telah dipergunakan oleh pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong PAS.(12)

Menolak tuduhan ini, PAS menyatakan pemimpin Umno adalah yang mengistiharkan bahawa sistem ekonomi Barat yang bertentangan dengan Islam harus dilaksanakan kerana keadaan ekonomi Islam berada dalam keadaan cemas.(13)

Tuduh PAS lagi, Umno tergamak berbuat demikian kerana ia gilakan kuasa. Dalam PAS, usaha untuk menggunakan agama Islam untuk mencapai kuasa politik (menjadi semacam suatu mainan).(14)

Tetapi kata PAS, Umno tidak pernah mengemukakan bukti-bukti tuduhan itu dan pemimpin-pemimpin Umno tidak pernah berupaya mengemukakan apa-apa hubungan mereka berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Sungguhpun demikian, mereka menuduh orang-orang yang berhubungan dengan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai penyeleweng, menggunakan agama untuk politik dan tuduhan-tuduhan lain yang mengelirukan dengan tujuan memesongkan pemikiran rakyat daripada melihat sesuatu menerusi penelitian agama yang berasaskan Al-Quran dan Al-Sunnah.(15) Seperti kata Yusuf Rawa:

"Umno cuba menjatuhkan dan memalukan PAS dengan menuduh PAS sebagai golongan fanatik, berfikiran sempit tetapi kita menerangkan Islam yang sebenarnya kepada rakyat dan mereka datang kepada kita."(16)

Sebagai contoh, ketika memuncaknya isu kafir mengkafir, pulau-memulau dalam awal tahun 1980an, ia telah menjadi isu yang memecah-belahkan Melayu Muslim. Umno dan PAS, masing-masing berhujah dan menuduh di antara satu sama lain yang menyebabkan keretakan hubungan sesama Melayu Muslim semakin mendalam. PAS menuduh Umno melakukan kezaliman ke atas pengikut-pengikutnya.

Misalnya, ketika isu sembahyang dua imam dan sekaligus sembahyang berasingan, bekas Menteri Penerangan ketika itu, Datuk Seri Adib Adam pada 1982, mempertahankan penayangan filem itu untuk kepentingan negara secara keseluruhan dan dunia Islam amnya.(17) Penayangan itu menunjukkan betapa tidak bijaknya kerajaan menangani masalah yang timbul itu. Ia tidak menyelesaikan masalah bahkan mengeruhkan keadaan lantas mempertajamkan lagi konflik dan syak wasangka di kalangan penyokong-penyokong kedua-dua buah parti.

Tindakan media massa mencari kesalahan PAS dan menuduh hanya PAS yang bertanggungjawab memulakan dan tidak mahu berkompromi dalam usaha penyelesaian masalah menyebabkan parti itu mengambil sikap yang lebih keras lagi sebagai tindak balas positif akibat eksploitasi media tersebut. Kemuncak daripada pertentangan ini, pernah pada suatu ketika PAS memulaukan akhbar-akhbar yang berpengaruh di negara ini.

Sebaran am telah *indoctrinate* dan *conditioned* orang ramai dan dengan ini membentuk *public opinion* yang salah. Disebabkan betapa besar peranan *gatekeeper* dalam akhbar, tidak hairanlah kenapa Nakhaie mempersalahkan media massa di atas kekalahan parti PAS pada Pilihanraya 1986.(18)

Hakikat ini terpaksa dihadapi oleh PAS kerana sistem media memanglah berhubung rapat dengan sistem kerajaan di mana ia beroperasi; pada dasarnya reflektif dan *supportive* kepada falsafah

kerajaan, bukan pengembang falsafah politik negara daripada penentu falsafah itu.(19)

Ini memuatkan media tidak lebih daripada sebahagian daripada sistem tersebut yang reflektif kepada kerajaan. Kerana itulah semua sistem persuratkhabaran diperhambakan, diikat kepada operasi dalam lingkungan parameter-parameter ideologinasional yang tertentu.(20) Melihat perkembangan ini, negara mana sekalipun, termasuk di negara kita sistem persuratkhabarannya tidak terlepas daripada cengkaman pemerintah.

Tekanan-tekanan ini menyebabkan timbulnya trend seperti yang dikatakan oleh pimpinan PAS yang menggambarkan diri mereka, pengikut dan penyokong sebagai golongan *Mustad'affin* (golongan yang ditindas) menentang pihak *Mustadbirin* (golongan yang menindas).

Golongan *Mustad'affin* terdiri daripada golongan yang diperintah, kebanyakan masyarakat bawahan dan golongan yang tidak menikmati erti keadilan pembangunan hidup kerana perbezaan pegangan politik. Manakala golongan *Mustadbirin* tidak disebut secara nyata tetapi telah diketahui. Dalam ucapan-ucapan pemimpin PAS selalu merujuk kepada undang-undang dan dasar yang mengekang kebebasan bersuara dan berhimpun sebagai bukti kekuasaan dan keangkuhan golongan *Mustad'affin* itu.(21)

Dengan demikian, Umno harus mengambil kira permasalahan ini kerana proses Islamisasi tidak akan bererti jika gejala ini kekal berterusan. Umno harus bersikap ikhlas dalam perjuangannya dan dalam menuju ke arah itu, ia harus menunjukkan seperti kata Anwar Ibrahim:

“Kita harus mengatur dan menyusun langkah serta strategi. Kita berhadapan dengan masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam. Setiap perjuangan mesti disertakan dengan amal. Seringkali dirumuskan bahawa budaya ilmu dan kerja mengikut Islam. Tidak bererti hanya dicanangkan atau dilaungkan, sekiranya umat Islam sendiri tidak memperlihatkan akhlak yang baik. Imam Al-Ghazali dalam *Siyasatul Akhlak*, berkata, negara yang tidak mempunyai moral bererti keruntuhan dan sebaliknya moral yang tidak sejalan dengan negara adalah lumpuh kerana nilai-nilai Is-

lam yang harus terangkul dalam pentadbiran adalah akhlak, agama dan ilmu pengetahuan, tasawwul dan politik ekonomi, sosial dan undang-undang)." (22)

Untuk mengurangkan konflik, muzakarah adalah perlu bagi kedua-dua pertubuhan siasah ini. Ini adalah cara yang paling baik untuk mencari titik pertemuan dan menghormati serta mengakui perbezaan dari sudut pendekatan siasah di antara PAS dan Umno.

Umno harus mengakui kelemahan prinsipnya yang samar-samar terhadap Islam dan PAS harus mengakui kelemahannya dalam usaha untuk mencerakinkannya dalam kehidupan. Kedua-duanya harus meredakan tembok yang memisahkan mereka untuk mencari titik pertemuan.

Tidak ada cara yang paling baik untuk mencapai kejayaan muzakarah ini iaitu prinsip PAS hendaklah diterima oleh Umno; program Islamisasi Umno hendaklah diterima oleh PAS. PAS dan Umno mempunyai pemahaman dan pendekatan yang tersendiri dalam bidang-bidang tersebut. Namun, kedua-duanya, berdegil tidak mahu melihat ini sebagai *wasilahnya*.

Sebenarnya ada tiga kumpulan yang mempunyai pendekatan yang berbeza mengenai proses Islamisasi ini. Pertama, golongan yang begitu kuat dengan ciri-ciri fundamental. Kedua, golongan sederhana yang melihat realiti setempat disamping menerapkan unsur-unsur pragmatismenya. Dan ketiga, golongan yang tidak ambil tahu langsung tentang Islamisasi di negara ini.(23)

PAS yang sering disifatkan sebagai golongan yang kuat pada fundamental, mahukan Islamisasi bermula dari atas. PAS mahu Perlembagan negara diubah kepada Perlembagaan Islam. PAS mahu ia bertolak daripada Islam dan bukannya orang Islam. Tetapi, golongan yang bercakap mengenai aspirasi fundamental, tidak pula bercakap tentang proses pelaksanaan dan dengan seribu persoalan masalahnya.

Persoalan dasar dan pelaksanaan *ad-din* adalah dua perkara yang berbeza. PAS tidak pernah menyatakan dasar dan perjuangannya, cuma dibuat sebagai sesuatu gagasan umum. Yang kita dengar cuma ungkapan "kepimpinan ulama", "negara Islam",

"Islam sejagat", "melaksanakan Islam secara syumullyah".(24) PAS perlu membentangkan segalanya ini secara satu gagasan umum supaya dapat diteliti dan difahami kalau benar gagasan umum itu wujud dalam pemikiran PAS.

Dalam pilihanraya 1986 lalu, rakyat telah menolak PAS. PAS mengalami kelakahan teruk dari segi perolehi kerusi. Ketua Dewan Ulama PAS, Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan prestasi PAS sebagai "anti-klimaks". PAS hanya memenangi satu kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dun. Tetapi PAS pada keseluruhannya menambahkan undinya.

Namun Umno selamat dengan pembangunan yang dibawanya, satu kenyataan yang sudah tentu membayangkan bahawa PAS mengakui kelemahan yang banyak timbul daripada pelaksanaan fundamental. PAS tidak harus membuat kesimpulan bahawa program Islamisasi Umno harus ditentang. Ini kerana Umno masih mengekalkan Perlembagaan yang menggunakan Islam sekadar pada nama sahaja. Dan Umno mengakui hakikat ini kerana dalam Perlembagaan Umno tidak menyebut hal itu secara nyata dan kadangkala Umno lebih bertolak daripada orang Islam, bukannya dari Islam.

Menurut Yusuf Al-Qardawi:

"Ahli kerajaan itu dengan terang enggan mengiktiraf Islam dan langsung menghina Islam. Jika pemerintah menganggap dan mentadbir negara mengikut cara Islam akan membawa negara ini semakin mundur seperti kurun ke-14, maka para pemimpin begini boleh ditentang kerana ia telah murtad.

"Jika keengganan sesebuah kerajaan itu melaksanakan hukum-hukum Islam kerana perubahan kepada Islam boleh menjejaskan kedudukannya seperti jika kerajaan mengharamkan riba ia adalah orang yang pertama yang akan terjejas, maka ia adalah fasiq.

"Golongan ini biasanya yakin pada kesempurnaan hukum Islam tetapi kerana hendak menjaga kedudukan atau kerana menurut nafsu atau cuba mengambil hati orang bukan Islam, ia keberatan atau enggan melaksanakan hukum Islam. Kerajaan ini dikira zalim atau fasiq."(25)

Dalam soal ini, Umno harus berhati-hati. Ia boleh terperangkap dengan kenyataan demi kenyataan yang dihamburkan oleh pemimpinnya mengenai Islam. Maka jika PAS menuduh Umno kafir, itu bukan satu pemalsuan. Menurut Yusuf Al-Qardawi lagi:

"Keengganan sesebuah kerajaan yang didukung oleh orang Islam itu melaksanakan hukum-hukum Islam akan meletakkan kerajaan itu sama ada dalam kategori kafir, fasiq atau zalim. Ini diterangkan oleh Al-Quran dalam surah Al-Maidah."(26)

Justeru itu, Umno harus tidak cepat melatah mengenai tindakannya mengenai Islamisasi yang tidak menyeluruh itu. Umno harus sedar bahawa tuntutan mengekalkan negara Islam seperti yang diinginkan oleh PAS adalah wajib. Ini tidak boleh dipersoalkan lagi dan Umno harus mengiktiraf prinsip fundamental PAS itu.

"Tetapi jika ada, "kerajaan di samping tidak menolak sistem Islam", tetapi "mengaku tidak berdaya melaksanakan seratus peratus sistem itu dan 'meminta masa' untuk melaksanakan secara berperingkat-peringkat, dan ia ikhlas pula berbuat demikian maka ia 'perlu ditolong bukan ditentang'".(27)

Kenyataan Yusuf Al-Qardawi ini, dianggap paling penting untuk membentuk formula muzakarah yang diinginkan. Baik pada Umno atau PAS, inilah titik pertemuan yang harus dicari daripada pelbagai perbezaan yang wujud dalam tubuh siasah dan cara perjuangan parti-parti ini. Jika kenyataan ini dijadikan asas bagi memecahkan kebuntuan ini, maka PAS dan Umno haruslah bersedia membuka pintu untuk muzakarah.

Formula ini bukanlah dianggap terlalu ideal tetapi sesuatu yang diinginkan oleh kedua-dua parti ini yang mempunyai perbezaan dalam memperjuangkan cita-cita Islam. Jika PAS mahu Islam ditegakkan secara menyeluruh di negara ini, namun jelas dengan strategi yang digunakan dalam program-program Islamisasi, Umno memerlukan masa dan daya untuk melakukannya, disamping mengambil kira suasana dan realiti yang berlaku. Seperti kata Anwar Ibrahim:

"Pimpinan kerajaan menunjukkan political will untuk menerapkan nilai-nilai Islam. Pelaksanaan ini memerlukan iltizam dan penglibatan semua pihak pemimpin, sarjana, pentadbiran dan rakyat. Persoalan aqidah, ibadah dan thabit tidak dipertikaikan lagi. Seluruh pelaksanaan yang jelas, sistem dan syariat Islam memerlukan tafsir yang jelas dan pelaksanaan yang jelas. Ini berhubung dengan ciri penting dalam proses Islamisasi, selain daripada aqidah, komitmen atau iltizam iaitu tajdid, proses melibatkan penyelidikan, penelitian dan perencanaan dalam melaksanakan institusi atau program dalam suasana moden." (28)

Mungkin PAS akan bertanya, sejauh manakah keikhlasan Umno dalam perjuangan Islam di negara ini? Soal keikhlasan adalah suatu yang realatif dan subjektif. Sebenarnya dalam Umno sendiri, ada yang ikhlas dalam perjuangan Islam. Seperti kata Anwar Ibrahim, pelaksanaan Islamisasi adalah bergantung kepada niat. Ini tidak bererti melaksanakan separuh dan meninggalkan separuh. Ia perlu dibuat secara beransur-ansur kerana tidak mempunyai daya, (29) kelemahan *ijtihad* dan *tajdid* serta pengukuran suasana setempat.

Kaedah drastik yang bermula dari atas seperti yang diminta oleh PAS dan kaedah secara beransur-ansur oleh Umno melalui pendekatan tarbiyyahnya, walaupun berkonflik, tetapi ia harus dilihat sebagai pertentangan prinsip, bukannya pertentangan pelaksanaan Islamisasi itu. Jika ia terus menerus dipersoalkan dan diganggu akan hancur-leburlah Islamisasi yang dilaksanakan itu.

Benarkah tuduhan bahawa Islamisasi hanya tindakbalas untuk mengimbangi tuntutan golongan fundamentalis yang semakin kritis terhadap dasar pemerintah? Dr. Mahathir dalam wawancara dalam majalah *Tempo* mengatakan, "tidak seratus peratus benar. Memang sudah menjadi hasrat pemerintah untuk menerapkan nilai-nilai Islam ini secara beransur-ansur mengikut kemampuan." Menurutny lagi, walaupun pemerintah mendirikan Bank Islam, pihak yang menentang akan terus menentang. "Tujuan mereka adalah semata-mata menentang dan kita tidak boleh menari mengikut rentak mereka."

Seperti yang berlaku di Sudan, Jaffar Numeiri telah berjaya mewujudkan pemerintahan Islam, setelah lama berhempas pulas dengan masalah dalaman dan tekanan dari luar. Dan Hassan Al-Turabbi dalam makenisme ke arah perjuangan Islam itu. Sayangnya rejim Jaffar Numeiri tidak lama, apabila suatu rampasan kuasa yang didalangi oleh kuasa besar menjatuhkan kerajaan serta cita-cita pemerintahan Islam.

Walau bagaimanapun, peranan yang dimainkan oleh Hassan Al-Turabbi di Sudan boleh juga dihubungkan dengan peranan Anwar Ibrahim dalam kabinet Dr. Mahathir sekarang. Kedudukan Anwar Ibrahim yang diramalkan bakal menjadi orang nombor satu di negara ini, memungkinkan Islamisasi secara total, akan lebih realistik lagi. Dalam hal ini, PAS harus bersedia menghulurkan tangan membantu Umno dalam perjuangan cita-cita Islamnya. PAS perlu bersama-sama memikul tanggungjawab melaksanakannya.

Maka kata-kata Yusuf Al-Qardawi, "Jika kerajaan ikhlas, ia perlu dibantu, bukan ditentang dan ini seharusnya mendekatkan PAS berganding bahu melaksanakan Islamisasi di negara ini."

Maka, usaha kerajaan baru-baru ini melalui permintaan Dr. Yusof Nor, mempelawa Yusof Rawa duduk bersama dalam Majlis Syura, haruslah diterima.(30) Umno harus pula mencontohi PAS dalam cita-cita fundamentalisnya dan mengikis "label" *Mustadbirin* terhadap golongan *Mustadh'affin* yang didakwa oleh PAS. Jika PAS sanggup menyatakan keikhlasannya membantu Umno dalam cita-cita Islamnya.

Sepertimana wasiat Allahyarham Zulkifli Muhamad dalam perjuangan PAS:

"Saya perlu memberitahu saudara-saudara bahawa satu dariapada syarat kejayaan bagi sesuatu perjuangan ialah keikhlasan. Kita mungkin bodoh, mungkin jahil, mungkin tidak tahu apa, mungkin tidak kuat, tetapi kalau keikhlasan ada pada kita, maka ada harapan cita-cita ini dapat dilaksanakan. Tidak ada gunanya kita cerdik, pandai, kuat sekiranya kita tidak ikhlas dengan apa yang diperjuangkan."

Tambahnya lagi:

"Kita sucikan tujuan kita kepada itu. Kita ketepikan kepentingan yang lain dari itu, ini perlu ada pada kita. Keikhlasan yang tidak ada belah baginya lagi, keikhlasan yang tidak mengira yang lain selain daripada apa-apa yang kita tuju di dalam perjuangan asal kita... Kejayaan orang yang dahulu pada diri kita, semuanya pada keikhlasan. Amat perlu keikhlasan ini kita tanam, kita pupuk pada diri kita."(31)

Ternyata, PAS harus mengakui hakikat ini dan Umno harus menerima keikhlasan sebagai suatu yang amat pasti dalam perjuangannya. Atas kesedaran ini, pertemuan secara tidak langsung telah dibuat di antara pucuk pimpinan kedua-dua parti. Walaupun dibuat secara tertutup tetapi ini suatu usaha awal yang dialu-alukan. Dr. Mahathir pernah membuat pertemuan secara rahsia dengan Yusuf Rawa, Fadzil Noor yang lebih sederhana. Dan Anwar Ibrahim pernah bersemuka dengan Hadi Awang di luar negara, dalam satu forum anjuran Persatuan Pelajar-Pelajar Malaysia di USA.

Sungguhpun pertemuan berlangsung secara rahsia, masyarakat Melayu Muslim menyambut baik usaha-usaha ini sebagai jambatan saliturrachim di antara Umno dan PAS. Usaha ke arah muzakarah secara langsung hendaklah dibuat sehingga berjaya. Jika Umno benar-benar serius, maka ia harus memulakan tanggungjawab menjemput PAS bersemuka dengannya.

Lantaran itu, sama ada PAS atau Umno, tidak harus menunggu pihak mana yang sepatutnya memulakan usaha ini. Dan dalam beberapa hal, seharusnya Umno terlebih dahulu mengambil inisiatif ini. Seharusnya, muzakarah mesti melibatkan golongan *downstream*. Jika muzakarah melibatkan Yusuf Rawa, maka Dr. Mahathir harus bersama meskipun dia tidak pakar dalam bidang Islam.(32)

Ini penting kerana "kreadibiliti" muzakarah mencerminkan orang terpenting dalam menentukan polisi negara. Manakala golongan *downstream* tidak perlu bersusah payah untuk mencampuri urusan pihak atasan. Cukuplah sekadar pelaksana dasar. Sekiranya Umno tidak mahu mengambil inisiatif ke arah

usul muzakarah ini, selagi itulah PAS akan mencurigai Umno dalam keikhlasannya bagi memperjuangkan cita-cita Islamisasi di negara ini.

Tulisan ini dipetik dari buku *Konflik Umno-PAS: Dalam Isu Islamisasi*. Hasil karya dan kajian Ibrahim Ahmad dan diterbitkan oleh IBS Buku Sdn. Bhd. (1989).

CATATAN KAKI

- (1) - Wawancara Penulis dengan Encik Abdul Rahman Rukaini pada 4 September 1987.
- (2) - Ibn Khaldun, *The Muqaddimah*, Lihat Ahmad Kamar, *Islam Tercabar — Satu Pandangan Terhadap Perjuangan PAS*, Penerbitan Pustaka Ilmu 1980, hlm. 27.
- (3) - Wawancara dengan Encik Abdul Rahman Rukaini, *op. cit.*
- (4) - Yusuf Harun, *Dialog Dengan Pemimpin*, Penerbitan Pena, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 319.
- (5) - *Watan*, 24-27 Mac 1987.
- (6) - Dr. Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia*, Fajar bakti, 1987, hlm. 81.
- (7) - *Ibid.*
- (8) - *Utusan Malaysia*, 25 Januari 1984.
- (9) - Dr. Chandra Muzaffar, *ALIRAN* Pulau Pinang, 1979, hlm. 98-99.
- (10) - Abu A'la Maududi, *The Islamic Law Constitution*, Islamic Publication, Lahore, Pakistan, 1980, hlm. 250-251. Lihat juga Abdul Razak Ayub, *op. cit.*, hlm. 78.

- (11) - Alias Mohamad, *Sejarah Perjuangan Parti PAS: Satu Dilema*, Utusan Publication, 1978, hlm. 51.
- (12) - *Ibid.*, hlm. 47.
- (13) - Memorandum PAS kepada Menteri Dalam Negeri. Lihat Abdul Razak Ayub, *Perpecahan Bangsa Melayu*, Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 51.
- (14) - Alias Muhammad, *op. cit.*, hlm. 59.
- (15) - Memorandum PAS kepada Menteri Dalam Negeri. Lihat Abdul Razak Ayub, *op. cit.*, hlm. 59.
- (16) - *Newsweek*, 28 Julai 1986, hlm. 24.
- (17) - *Berita Harian*, 18 Mac 1983.
- (18) - Zakry Abadi, *Satu Analisa Pilihanraya Umum 1986*, Syarikat Grafikset Abadi, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 25.
- (19) - Jonh G. Merrill dan Ralph L. Lowestein, *Media, Massages and Mckay*, 1971, hlm. 173.
- (20) - *Ibid.*, hlm. 174.
- (21) - Dr. Chandra Muzaffar, *op. cit.*, hlm. 84.
- (22) - Anwar Ibrahim, "Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran Negara", Simposium Kepimpinan Islam Peringkat Kebangsaan, 3-5 Mei di Kuala Lumpur.
- (23) - Wawancara Penulis dengan Encik Abdul Rahman Rukaini, *op. cit.*
- (24) - A. Ghani Ismail, *Muzakarah Umno dan PAS*, Pustaka Islah, Kuala Lumpur, 1987, hlm. 22.
- (25) - Wawancara Yunus Said dengan Profesor Dr. Yusof Al-Qardawi. Lihat *Berita Harian*, 28 Mac 1985, hlm. 10.
- (26) - *Ibid.*, hlm. 10.
- (27) - *Ibid.*, hlm. 10.
- (28) - Anwar Ibrahim, *op. cit.*
- (29) - *Watan*, 24-27 Mac 1987.

- (30) - Pelawaan Dr. Yusof Noor selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri terhadap Yusof Rawa untuk menjadi Majlis Syura yang baru ditubuhkan. Tetapi, Yusof Rawa telah menolak pelawaan itu.
- (31) - Ucapan penuh wasiat Zulkifli Muhamad pada 6 Mei 1964, ditemui dalam buku kecil *Wasiat Zulkifli Muhamad* dengan komentar oleh Amaluddin Darus, Pustaka Abad, Kuala Lumpur, 1981.
- (32) - Wawancara penulis dengan Encik Abdul Rahman Rukaini, *op. cit.*

PENGEDAR DIPERLUKAN

Pengedar-pengedar utama di setiap negeri diperlukan untuk memasarkan buku-buku dan majalah terbitan Rangkaian Minda Publishing pada setiap bulan.

Keterangan lanjut sila hubungi:

RANGKAIAN MINDA PUBLISHING
No. 38, Lorong PJS 2C/11M, Taman
Medan 46000 Petaling Jaya
Selangor.

Tel: 03-6878150.
Fax: 603-6878150.
HP: 010-2240377.

Segera!

12

***Konspirasi Sulit
Perangi Umat Islam***

MENGIKUT kamus Dewan, fanatik bermakna “keterlaluan pada sesuatu pegangan atau pendirian” yang pada kelazimannya dikaitkan dengan keagamaan. Pengertian fanatik yang lain adalah taksub dan istilah ini sering kali digunakan ke atas beberapa pertubuhan dan parti politik yang menjadikan Islam sebagai dasar serta agenda perjuangannya. Eleman fanatisme mempunyai hubungan yang rapat dengan keyakinan dan kepercayaan seseorang terhadap apa yang diyakininya benar lagi membenarkan.

Apabila seseorang itu sudah sampai ke peringkat taksub, ia akan sanggup melakukan apa sahaja hatta mengorbankan nyawanya sendiri. Fanatisme, dan ketaksuban pada dasarnya mempunyai pengertian yang luas dan tidak semata-mata berkisar di sekitar persoalan keagamaan semata-mata.

Ada berbagai bentuk fanatisme seperti pemujaan melampau terhadap seseorang pemimpin. Kategori fanatisme ini dikenali sebagai *Cultisme* di mana individu tertentu menjadi objek ketaksuban oleh para pengikutnya. Hal ini pernah dijadikan isu oleh kerajaan Barisan Nasional di dalam usahanya membendung dan memerangi Pertubuhan Al-Arqam tidak berapa lama dahulu.

Selepas Darul Arqam diharamkan, PAS pula menjadi sasaran Umno. PAS telah didakwa fanatik dan para pemimpinnya dituduh menanamkan sentimen ketaksuban di kalangan pengikutnya. Usaha untuk menghapuskan PAS sama seperti mengharamkan Darul Arqam dengan menggunakan isu fanatik dan penyelewengan akidah ternyata tidak berjaya.

Sebelum inipun, PAS pernah dikecam, diserang dan ditohmah dengan pelbagai tuduhan dan label. Tetapi keutuhan PAS tetap tidak terjejas. Tuduhan fanatik bukan sahaja ditujukan kepada kalangan tertentu di Malaysia oleh pihak yang berkuasa tetapi di negara-negara lain hal seumpama ini juga berlaku.

Negara-negara yang sedang mengalami kebangkitan Islam yang pesat sentiasa diberikan skop berita yang negatif oleh media massa antarabangsa. Perjuangan Islam di Palestine, Afghanistan, Iran, Iraq, Chechnya dan sebagainya disifatkan sebagai perjuangan yang militan, revolusioner, agresif dan fanatik.

Mereka yang dituduh fanatik akan diberikan gambaran dan *labelling* sebagai tidak waras, terlalu emosional dan tidak lagi mempunyai nilai kemanusiaan di dalam mengatur gerak serta langkahnya. Revolusi Iran yang berjaya menumbangkan raja segala raja, Shah Iran telah memberi nafas baru kepada kebangkitan semula Islam yang melanda dunia dewasa ini.

Kemunculan Imam Khomeini sebagai Bapa Revolusi Iran menyentak Barat daripada lamunan dan tidur yang berpanjangan. Sejak awal abad yang ke-12 lagi, usaha-usaha telah dibuat dan dirancang untuk menekan serta menghambat pergerakan serta kebangkitan Islam. Kemunculan Islam sebagai suatu *force* yang unggul amat menggerunkan pihak Barat. Kegerunan itu telah dijemakan dalam bentuk *Perang Salib Satu* dan *Perang Salib Dua*. Proses penjajahan yang berlangsung buat sekian lamanya merupakan kesinambungan dan rentetan daripada *Perang Salib*. Dan proses peperangan Salib ini masih berlangsung tetapi di dalam bentuk serta keadaan yang tidak nyata.

Neo-kolonialisme yang menggunakan kekuatan ekonomi dan senjata media telah menyebabkan sebahagian besar negara Islam terjebak di dalam perangkap yang dipasang oleh pihak Yahudi dan Nasrani. Pengimportan budaya kuning dan amalan *hedonism* ke negara-negara Islam merupakan antara komplot pihak Yahudi untuk menjayakan misi membina empayar yang merentang dari Sungai Nil hingga ke Sungai Furat di Iran. Cuma Islam yang boleh menggagalkan cita-cita Yahudi itu. Menyedari hakikat ini, segala penumpuan diberikan untuk membendung kebangkitan Islam

daripada berkembang, membiak dan kemudiannya menular. Tekanan dan hambatan yang dikenakan ke atas beberapa buah negara Islam dirasakan masih tidak berupaya membendung pengaruh Islam daripada terus meresap ke dalam sanubari para mukmin.

Lantas momokan, tuduhan dan pelbagai *stigma* dicipta bertujuan untuk menjatuhkan imej Islam di kalangan pengikutnya serta penganut agama yang lain. Dengan memecah-belahkan perpaduan umat Islam akan memudahkan pihak Yahudi dan sekutunya memasukkan jarum serta pengaruhnya. Konflik serta krisis yang berlaku di dalam masyarakat Islam hari ini merupakan suatu realiti. Konflik itu berlaku dalam pelbagai lapangan hidup.

Di Malaysia kemelut dan krisis sesama umat Islam tercetus disebabkan oleh isu-isu yang kecil dan remeh-temeh. Islam daripada kaca mata masyarakat bukan Islam sememangnya amat buruk dan segalanya bersifat negatif.

Islam dikaitkan dengan setiap perkara yang tidak baik dan menakutkan. Sikap prejudis dan prasangka menjadi bertambah ketara apabila umat Islam bersengketa dan bertelagah di atas persoalan agama yang mereka anuti. Imej Islam yang negatif sengaja dicipta dan momokan terhadapnya dilakukan secara terus-menerus menerusi alat dan agen yang berada di bawah kawalan ataupun *remote control* pihak Barat dan Yahudi.

Momokan tersebut berjaya mempengaruhi pemikiran orang ramai di mana gerakan Islam telah disifatkan sebagai militan dan fanatik. Tidak terkecuali PAS yang telah dilabelkan sebagai fanatik oleh Umno. Tuduhan Umno itu mudah difahami kerana dibuat atas motif politik dan tanpa sandaran hujah serta fakta yang kuat.

Jadi, isu fanatiknya PAS akan dimainkan berulang kembali setiap ketika menjelang pilihanraya umum ataupun di saat-saat Umno menghadapi kemelut kepimpinan yang tidak berkesudahan. Selepas pilihanraya, isu ini menjadi dingin dan dihangatkan semula bila dirasakan perlu.

Beberapa pemimpin Umno pernah didedahkan penglibatan mereka di dalam Pertubuhan Freemason. Pertubuhan Freemason

merupakan sebuah gerakan Zionis yang bergiat di merata negara bertujuan mencaturkan politik serta memastikan kebangkitan Islam tidak menjadi suatu realiti.

Hanya mereka yang anti Islam akan sanggup menikam serta menghentam saudara seagamanya yang fanatik terhadap perjuangan menegak dan mendaulatkan Islam. Justeru itu, kemungkinan individu tertentu diperalatkan dan dijadikan sebagai kuda tunggangan oleh agen-agen Freemason bagi kepentingan politik Yahudi tidak boleh ditolak begitu sahaja. Islam merupakan agama kesejahteraan yang mementingkan keharmonian serta keselamatan umat manusia. Islam tidak sesekali menzalimi apatah lagi menyuruh penganutnya bertindak secara keterlaluan.

Islam menganjurkan kesederhanaan dan memilih jalan pertengahan. Namun begitu, Islam juga mewajibkan para penganutnya berpegang teguh kepada akidah Islamiah yang hakiki. Dengan kata lain, umat Islam diajak menunjukkan kefanatikan terhadap agama Islam kerana perjuangan Islam adalah untuk kebaikan manusia sejagat. Sentimen fanatik yang dimiliki oleh umat Islam telah membolehkan mereka membina empayar dan menguasai 3/4 penjuru dunia.

Inilah yang dibimbangkan oleh Yahudi dan kuncu-kuncunya. Maka itu, sentimen "melabel" seperti fanatik, jumud, ekstrim, taksab, militan, menyeleweng, sesat dan sebagainya mesti dihamburkan agar sifat kefanatikan mereka tercabut dari lubuk hati setiap mukmin. Jika tidak, perancangan dan komplot mereka akan tinggal menjadi sebuah impian yang tidak kesampaian.

